



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1017]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) [Ruangan 1052]

Rang Undang-undang Ahli Kimia [Ruangan 1054]

**Rang Undang-undang Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian
Malaysia (Perbadanan) [Ruangan 1060]**

Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian [Ruangan 1072]

UCAPAN TANGGUHAN:

Belia-belia Luarbandar—Pengangguran [Ruangan 1098]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Selasa, 15hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

Yang Berhormat DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

- „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y. M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana kebenarannya bahawa Filipina telah menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah dan nyatakan oleh kerana usaha siapa maka perubahan sikap negara itu dalam masaalah tersebut berlaku.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang kita ketahui Negara Filipina belum menggugurkan apa yang dikatakan tuntutannya ke atas Sabah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Luar Negeri ini mengalu-alukan satu lapuran dari Jakarta yang mengatakan bahawa Filipina telah sanggup menggugurkan tuntutannya terhadap Sabah?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Insya Allah, kita berharap begitu.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar/membaca dalam suratkhbar-suratkhbar mengatakan bahawa Filipina telah menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Adakah siaran itu tidak benar?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun mengkaji perkara ini. Kita berharap dengan cara yang rasmi. Suratkhbar-suratkhbar kadang-kadang kita tidak boleh percaya.

ARAK/DADAH—BAHAYA MEMANDU KERETA

2. Datuk Mansor bin Mohamad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar arak sama bahayanya dengan ganja kepada mereka yang meminum atau menghisapnya, bahkan kadang-kadang

arak memberi lebih mudarat kepada mereka yang selepas meminumnya dengan banyak terus memandu kereta di jalan-jalanraya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, ya, memang benar bahawa arak adalah merbahaya kepada mereka yang meminumnya dan kemudian memandu kenderaan-kenderaan di jalanraya. Adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang untuk memandu sebuah kenderaan apabila ianya dipengaruhi oleh arak atau dadah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau sekiranya arak lebih merbahaya daripada candu, adakah pada hari yang akan datang sesiapa yang meminum atau mengedarkan arak akan dihukum seperti kita akan menghukum kepada orang yang mengedarkan ganja dan sebagainya, iaitu dihukum bunuh. Adakah boleh kita buat begitu?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kita tengok keadaan nanti. Bila sampai masanya kemungkinan dijalankan. Kalau dia lebih merbahaya seperti dadah, begitulah kita akan sampai kepada peringkat itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab sekarang ini Kerajaan kita ialah Kerajaan Barisan Nasional yang di dalamnya mengandungi Parti Islam Se Tanah Melayu. Pada masa dahulu, pada masa dia belum berkuasa, dia mencadangkan arak ini diharamkan. Sekarang apabila sudah bersama adakah beliau akan mencadangkan kepada Kerajaan yang ada ini supaya arak itu diharamkan daripada dijual di dalam negeri ini sama sekali?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak payah dicadangkan—arak ini tetap haram di segi ugama Islam, Tuhan kata haram. Dan sebab Parti PAS atau parti apakah, sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional, dan saya rasa Ahli Yang Berhormat mungkin dapat satu risalah kecil yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia, menceritakan berhubung dengan jenayah arak. Barangkali inilah caranya kita berkempen ataupun mendakwah, muga-muga satu hari nanti orang tidak meminum arak dan perkara yang berbangkit itu selesai dengan secara itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana panjang lebar Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, tetapi soalan tambahan saya pendek sahaja. Bolehkah PAS sebagai sebuah ahli gabungan Barisan Nasional, iaitu Kerajaan yang memerintah hari ini, mendesak Kerajaan supaya mengharamkan jualan arak? Itu soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan, iaitu arak adalah lebih berbahaya daripada dadah. Jikalau ianya berbahaya daripada dadah maka hendaklah diharamkan penjualannya. Haram kerana meminum itu adalah perkara lain. Haramkan penjualan ini macammana dadah, begitulah diharamkan penjualannya saya tidak mengira dari segi ugama haram atau tidak haram, tetapi oleh kerana berbahaya, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan berbahaya meminum arak ini kalau membawa kereta nanti kereta melanggar dan orang-mati—cukup berbahaya, maka dengan itu diharamkan penjualan arak ini. Bolehkah atau tidak dijalankan?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyatakan tadi, kita akan menuju ke arah itu. Itulah sebab sekarang ini satu risalah kecil dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan setelah semua manusia sedar tentang “merbahaya” dan “jenayahnya”, maka di waktu itu akan difikirkan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya membuat soalan tambahan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Dari segi kesihatan adakah Kementerian ini mengakui setengah kenyataan manusia yang mengatakan bahawa arak itu boleh dijadikan ubat dan juga meminum arak boleh mendatangkan kesihatan dan adakah ini diamalkan oleh Jabatan-jabatan Kesihatan untuk memperbaiki rawatan orang-orang yang sakit.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya minta notis, sebab saya bukan doktor.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Saya tidak pernah dengar doktor mengatakan arak itu lebih berbahaya daripada dadah, oleh sebab itu saya bertanya Timbalan Menteri berkenaan di mana dia dapat pengetahuan arak lebih berbahaya daripada dadah. Kalau doktor tidak kata, di mana dia dapat.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan begitu. Dalam jawapan saya mengatakan memang benar arak adalah berbahaya kepada mereka yang minum. Saya tidak bandingkan dengan dadah.

ANGKATAN TENTERA— LATIHAN PEGAWAI

3. Cik Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan Pegawai-pegawai Angkatan Tentera mengikut kaum yang telah menjalani latihan di seberang laut dan nama-nama negeri yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukacita tidak dapat memberi angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana adalah menjadi dasar Kementerian saya tidak mengumumkan angka-angka seperti itu atas sebab keselamatan. Walau bagaimanapun, saya suka memberi jaminan bahawa jumlah pegawai-pegawai yang menjalani latihan di seberang laut adalah mencerminkan pembahagian kaum dalam Angkatan Tentera.

DADAH—TINDAKAN BERKESAN

4. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang kepada merebaknya pengedaran dadah di negara ini walaupun pihak Polis telah mengambil tindakan untuk menangkap pengedar-pengedar dadah:

- (a) apakah langkah-langkah selanjutnya yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan peredaran dadah di negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki penagih-penagih dadah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):

- (a) Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Dewan Rakyat dalam persidangannya yang baru lalu telah meluluskan pindaan ke atas Ordinan Dadah Berbahaya 30/52 untuk membolehkan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah-pesalah yang terlibat dengan kegiatan dadah dengan mengenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup serta sebat dengan rotan. Dengan perlaksanaan hukuman lebih berat itu akan sekurangnya dapat menghalang pengedaran dadah secara besar-besaran di negara ini.
- (b) Pada masa sekarang belum ada pusat-pusat pemulihan yang khusus ditubuhkan oleh Kerajaan untuk penagih-penagih dadah. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah terhadap kebanyakan hospital di negara ini seperti Taman Bahagia, Ulu Kinta, Perak, Taman Permai, Tampoi, Johor dan Unit-unit Penyakit Jiwa Hospital Besar, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Bharu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Kerajaan kita telahpun mengadakan undang-undang untuk menghapuskan perkara dadah di dalam negeri ini dengan mengenakan hukuman mati. Kita membaca dalam akhbar baru-baru ini seorang taukeh di Negeri Selangor telahpun dibenarkan jamin walaupun didapati taukeh itu campur tangan dalam perkara itu dan barangkali berjuta-juta ringgit dia membeli dan menjual dadah hingga ke peringkat antarabangsa. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan di Dewan ini bagaimanakah taukeh itu telah begitu mudah dilepaskan dengan diikat jamin, sungguhpun Kerajaan tahu perkara dadah ini dalam keadaan sangat serious.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah keputusan mahkamah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Timbalan Menteri berkenaan telah menyatakan hukuman yang akan dikenakan pada penhisap dadah dan juga lain-lain pesalah, saya ingin bertanya adakah

hukuman ini akan diluaskan juga kesalahannya kepada ibu-bapa anak-anak yang menghisap dadah itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, biasanya hukuman atau undang-undang dalam negara kita ini siapa yang bersalah itulah yang akan dihukum, jika didapati salah oleh mahkamah, dan tak melarat kepada orang lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tidakkah jawapan Timbalan Menteri itu bercanggah dengan pendapat dan pandangan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang akan memikirkan satu masa akan datang bahawa ibu-bapa juga akan dihukum yang terlibat dengan masalah dadah itu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Ahli Yang Berhormat sendiri sudah memberikan jawapan bahawa masa akan datang akan difikirkan; tidak payah saya jawab lagi.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dadah dan heroin memang berbahaya. Adakah Kerajaan sedar bahawa pengedar kecil dadah telah melarat ke sekolah-sekolah yang melibatkan guru-guru dan pelajar-pelajar sama terlibat dalam pengedaran dan penagih. Mengikut yang difahamkan pelajar-pelajar sama pelajar menjual dadah ini di sekolah-sekolah dan ada pelajar yang ditemui oleh pelajar untuk menjual dadah, tetapi pelajar yang ditemui itu tidak berani melapurkan diri hal menjual dadah ini kepada guru atau guru besar sekolah itu, kerana telah diugut kalau diberitahu guru besar akan dipulau atau dipukul. Kalau perkara ini benar berlaku dan tidak diambil tindakan oleh pihak berkenaan mungkin akan bertambah golongan kecil gangster pelajar-pelajar dan akan menjadi gangster pemuda apabila mereka dewasa kelak. Dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan pihak Kementerian berkenaan apakah satu tindakan atau cara terhadap perkara yang saya sebutkan tadi dapat dihalang daripada merebak, daripada kecil sampai yang besar supaya dapat dihapuskan langsung.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa hukuman yang lebih berat telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam masa sidang ini, dan segala sesuatu yang berkaitan dengan dadah ini tidak akan

dapat dihapuskan sama sekali jika tidak mendapat kerjasama daripada orang ramai. Jadi kalau benar seperti yang kita faham ada berita dalam suratkhbar adanya murid sekolah yang terlibat, maka ini menjadi tanggungjawab bukan sahaja ibu-bapa, murid-murid, malah guru-guru yang berkenaan bertanggungjawab menyampaikan persoalan ini atau pengaduan ini kepada pihak yang berkuasa, dan jika mungkin guru besar dan guru-guru sekolah itu boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:

Tuan Yang di-Pertua, sesudah saya mendengar jawapan itu dadah ini telah merebak ke seluruh negara sampai kepada pelajar-pelajar yang akan menjadi masalah negara pula. Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengurangkan penagih dadah ini dengan mengadakan penerangan, kursus dan dailog dengan ibu-bapa, guru-guru, pelajar-pelajar dan kakitangan Jabatan yang difikirkan mudah terlibat dengan dadah ini, dengan kerjasama badan sukarela seperti PERKIM, Persatuan Dakwah, guru-guru agama, alim ulama kita dapat mengambil tindakan atau apakah cara-cara lain yang pihak Kementerian hendak jalankan bagi menyekat daripada merebaknya dadah yang begini hebat.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soal dadah ini adalah tanggungjawab khusus Biro Narkotik Negara yang telah ditubuhkan dan sekarang ini penerangan-penerangan dan dailog telahpun dijalankan, walau bagaimanapun, soal penerangan dan dailog ini akan lebih hebat lagi di masa akan datang, dan saya berharap Ahli Yang Berhormat sendiri dapat memberikan kerjasama dan jika mungkin menganjurkan dailog dan penerangan-penerangan itu.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya baru-baru ini duduk hospital dan saya melihat satu group ataupun satu gang yang selalu ada melawat hospital yang menjual darah dan siapa yang mahu darah dijual dengan harga \$200—\$300. Saya nampak perkara ini berlaku di mana-mana pun dalam negara ini dan ini satu penyakit yang sangat besar. Mengapa Kerajaan kita tidak mengambil tindakan, inilah perkara yang menimbulkan kesulitan. Bukannya semua orang banyak wang, orang yang tak mempunyai wang tentulah susah

membelinya, tetapi mereka yang ada wang boleh membeli \$200-\$300 sebab dia mahu menyambung nyawanya, jadi mereka yang tidak ada wang nyawanya akan habis. Kita tahu di dalam rumah sakit bukanlah sentiasa ada darah. Kadang-kadang di rumah sakit tidak ada darah, doktor mengatakan, "Tolong awak cari orang yang boleh membawa darah". Mana kita hendak cari darah, jika kita cari orang membawa darah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hendak membuat soalan apa?

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, darah. Ada sebuah bilik di sebelah rumah saya tinggal seorang kawan yang masih sakit dan dia berkehendakkan darah. Dia minta kepada saya kalau dapat memberi darah kepadanya tetapi di mana saya hendak mencarinya. Kemudian saya berjumpa dengan seorang kawan yang meminta \$200 kalau berkehendakkan darah dan dia minta supaya jangan diberitahu kepada pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, apakah soalan tambahannya?

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Inilah soalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu ucapan, bukannya soalan?

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ucapan tak boleh dibenarkan.

JENGKA TIGASEGI—PENYAMBUNGAN NATIONAL GRID

5. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

- (a) apakah keputusan perundingan di antara L.L.N., Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang berhubung dengan memasukkan National Grid Line dalam Wilayah Jengka;
- (b) sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan perundingan tersebut; dan
- (c) sekiranya tidak ada kemajuan yang telah dicapai apakah kesulitan yang ditempuh bagi melaksanakan perkara tersebut.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perundingan untuk penyambungan National Grid ke kawasan Jengka Tiga-segi telahpun selesai di mana pihak Lembaga Letrik Negara, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang telahpun bersetuju menemui kos projek tersebut sama banyak iaitu tiap-tiap satu pihak akan menemui $\frac{1}{2}$ daripada kos projek itu.
- (b) Kerja-kerja permulaan untuk melaksanakan projek tersebut telahpun dijalankan oleh pihak L.L.N.
- (c) Oleh kerana kemajuan telahpun dicapai, soalan ini tidak timbul.

DOKTOR-DOKTOR ASING

6. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor asing yang berkhidmat di negara ini dari:

- (i) Mesir;
- (ii) Korea;
- (iii) Indonesia;
- (iv) India;
- (v) Filipina dan lain-lain.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan doktor-doktor asing yang berkhidmat di negara ini adalah seperti berikut:

(1) Mesir	18
(2) Indonesia	45
(3) Korea	6
(4) India	95
(5) Filipina	2
(6) Bangladesh	31
(7) Pakistan	31
(8) Burma	16
(9) Sri Lanka	10
(10) Lain-lain negeri	16
JUMLAH	270

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita ada mendengar beberapa doktor asing dari negeri-negeri lain bekerja di negara kita dan saya

tahu ada beberapa warganegara kita di Malaysia mempunyai degree atau diploma mengenai medicine dan saya minta supaya Kerajaan menggunakan mereka ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, apakah soalnya?

Dr Lim Keng Yaik: Ramai orang di Malaysia mempunyai degree atau diploma dari luar negeri tetapi tidak direcognise oleh Kerajaan kita. Bolehkah Kerajaan menggunakan orang-orang itu di hospital-hospital di negara kita?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, agaknya tak boleh, sebab pada mulanya mestilah degree yang dibawa ataupun yang dipunyai oleh pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut itu mestilah diiktiraf (recognise) dahulu oleh Kerajaan dan mereka yang kita ambil daripada luar negeri inipun degreenya kita recognise dan sesudah itu baru kita ambil mereka bekerja dengan kita.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Betul atau tidak pendapatan doktor-doktor dari luar negeri dibayar lebih sangat daripada apa yang diberi kepada doktor-doktor tempatan kita, sungguhpun kalau dibandingkan doktor-doktor tempatan bekerja lebih rajin daripada doktor-doktor dari luar negeri.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini bercadang pada masa depan untuk mendapatkan doktor-doktor dari luar negeri daripada negara-negara Telok Parsi hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan daripada mana juga negeri asalkan doktor negeri itu akan menolong kita, dengan syarat atau perkiraan di antara negeri kita dengan negeri yang tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Termasuk daripada Republik Rakyat China?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, belum ada rancangan lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi disebutkan bermacam-macam doktor dari Mesir, Korea, Indonesia, India, Filipina yang telah datang bekerja di negeri kita. Apakah ukuran pengiktirafan doktor-doktor ini? Misalnya Korea, pada masa dahulu dijajah oleh Jepun, adakah doktor negeri Jepun boleh diiktiraf oleh negeri kita sebab Korea, dijajah oleh Jepun pada masa dahulu? Kemudian Filipina sekarang pun barangkali pelajarannya lebih kurang dengan Amerika. Adakah pengiktirafan ukuran itu boleh diiktiraf seperti Amerika oleh negeri kita atau bagaimanakah ukuran-ukuran diiktiraf bagi doktor-doktor yang bekerja di negeri kita.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini, oleh kerana saya duduk di dalam Jawatankuasa Pengiktirafan Ijazah-ijazah daripada dalam ataupun daripada luar negeri. Sebenarnya berkenaan dengan pengiktirafan ijazah daripada jurusan perubatan, ada dua cara pengiktirafan kita.

Yang pertama, pengiktirafan ialah berkenaan dengan universiti-universiti yang diiktiraf oleh kita sebagai sama setaraf dengan universiti yang ada di dalam negara kita ini dan pengiktirafan ini diberi kepada warganegara dan mereka yang dapat pengiktirafan ini terpaksa bekerja dengan Kerajaan selama dua tahun, selepas itu mereka bolehlah berkhidmat di luar daripada Kerajaan.

Ada lagi satu jenis pengiktirafan yang diberi kepada doktor-doktor daripada negarane-negara tertentu untuk membolehkan mereka berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan sahaja ataupun ada dua tiga badan ataupun hospital yang dibenarkan, umpamanya Seventh-Day Adventist Hospital di Pulau Pinang. Doktor-doktor yang berijazah daripada universiti dari Amerika yang tidak boleh berkhidmat di lain-lain tempat tetapi dibenar berkhidmat di dalam hospital itu sahaja. Selain daripada itu seperti doktor-doktor daripada Korea dan beberapa buah negeri lagi mereka itu diiktiraf setakat berkhidmat dengan Kerajaan sahaja dan mereka tidak boleh berhenti daripada berkhidmat dengan Kerajaan dan membuka praktisnya sendiri. Inilah kedudukannya sekarang ini dan kedudukan pengiktirafan ini

dikaji setiap masa dan jika ada sesiapa yang dipandang berkelayakan maka Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan mengkaji pengiktirafan itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Menteri yang bertanggungjawab telah berkata iaitu mereka boleh bekerja dengan Kerajaan sahaja, tak boleh buat praktis di luar, tentu sekali sebagai bukan warganegara negeri ini kita tak benarkan orang-orang ini bekerja di luar. Jadi macam mana dia boleh praktis, boleh bekerja dalam hospital Kerajaan sahaja dan dari penerangan tadi dia tidak boleh bekerja di luar. Kalau begitu, kita boleh ambil daripada mana negeri asalkan dia bekerja di hospital Kerajaan, begitu?

Dr Mahathir bin Mohamad: Sebenarnya itulah tujuannya, iaitu supaya mereka berkhidmat dengan Kerajaan. Sebenarnya orang lain yang ingin datang ke sini kalau kita tidak ingin memberi kerja dengan Kerajaan, mereka tidak boleh bekerja sebagai doktor walaupun mereka ingin ataupun ada kelulusan yang diiktiraf oleh negara-negara asing. Umpamanya daripada Amerika ada beberapa doktor yang diiktiraf oleh dunia, tetapi kalau hendak datang ke sini, mereka cuma dibenar bekerja dengan Kerajaan sahaja walaupun mereka diiktiraf oleh seluruh dunia, kerana kita tidak perlu mereka masuk di dalam negara kita ini untuk membuka praktisnya sendiri.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu samada doktor-doktor asing itu ada beberapa masaalah berkenaan bahasa dan kalau ada, adakah Kerajaan mengambil tindakan supaya doktor-doktor asing ini belajar bahasa kita?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengiktirafan, masaalah bahasa tidak timbul. Tetapi kalau mereka ingin diserapkan masuk ke dalam perkhidmatan Kerajaan maka barulah syarat bahasa dikenakan. Tetapi jikalau mereka meminta bekerja separuh masa sebagai doktor daripada luar negeri oleh kerana kita kekurangan doktor maka mereka bolehlah berkhidmat di dalam negara kita ini walaupun mereka tidak lulus dalam Bahasa Kebangsaan.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak tahu kalau seorang doktor tidak tahu bahasa tempatan, kalau dia hendak bercakap dengan pesakit-pesakit, dia tidak faham apa penyakitnya. Kalau tidak tahu, dia mesti mahu belajar bahasa kita juga. Kalau dia tidak faham, tidak guna dia berada di negara kita.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan seorang doktor berkhidmat dengan memuaskan hati pesakit-pesakit, sebenarnya ia mestilah faham bahasa pesakit itu dan bukan semua orang-orang di Malaysia ini dapat menerangkan tentang penyakit mereka dalam Bahasa Kebangsaan. Ini adalah satu perkara yang kita sedar. Tetapi kalau mereka faham Bahasa Kebangsaan tentulah lebih mudah lagi bagi mereka berkhidmat dalam negara kita ini. Sebab itu kita ingin melihat supaya semua doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan faham Bahasa Kebangsaan. Tetapi oleh kerana kita kekurangan doktor dan kita ingin mengambil doktor-doktor daripada luar negeri, kita tidaklah boleh mengetatkan syarat ini dengan kerana kalau kita menekankan juga syarat-syarat ini maka kita tidak akan dapat doktor daripada Korea ataupun daripada Mesir yang boleh bercakap Bahasa Kebangsaan. Kita terima mereka sebagai satu usaha sementara sahaja.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah di antara doktor-doktor daripada luar negeri tadi yang memohon kepada Kerajaan untuk tinggal tetap (permanent stay) di negara kita?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, syarat kerja ialah supaya mereka berkhidmat tidak begitu lama sehingga mereka dapat memenuhi syarat untuk menjadi warganegara.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab seseorang doktor selepas masuk berkhidmat dengan Kerajaan selama dua tiga tahun, dia berhenti kerja (resign)?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain iaitu soalan mengapa doktor resign. Ini soal doktor yang kita bawa daripada luar negeri.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawasanya doktor-doktor yang kita pinjam atau kita datangi daripada luar negeri akhirnya menjadi rakyat negeri ini dengan sebab pendapatan di sini lebih lumayan daripada negeri-negeri asal mereka. Tidakkah dengan langkah ini memperkecilkan quota rakyat negeri ini menjadi doktor oleh sebab jawatan itu telah dipunyai oleh mereka. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dr Mahathir, lebih jelas daripada apa yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan sendiri. Dapatkah saya katakan bahawa jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri pada mula-mulanya mengatakan semua 270 diiktiraf oleh Kerajaan itu kenyataan yang tidak betul?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya terangkan adalah betul (*Ketawa*). Itu anggapan Ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh berpegang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya katakan begitu oleh kerana yang mengiktiraf bukannya Kerajaan, yang mengiktiraf adalah satu badan yang ditubuhkan untuk menerima doktor-doktor itu bekerja di sebuah hospital sahaja, khususnya untuk sebuah hospital sahaja misalnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Jadi oleh kerana itu saya dapat faham bahawa tidak semuanya doktor yang seramai 270 orang itu kelulusannya diiktiraf oleh Kerajaan sehingga membolehkan dia bekerja luar yang ditetapkan oleh Kerajaan sendiri. Dengan lain perkataan, bahawa mereka tidak diiktiraf dan kalau ini benar, maka nyatalah penerangan yang diberikan itu tidak betul.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Ahli Yang Berhormat itu tidak faham tentang penerangan saya. Jawatankuasa ini mengkaji ijazah itu, bukan mengkaji kelayakan seseorang. Selepas kita mengkaji ijazah daripada sebuah universiti umpamanya, siapa juga yang

datang dari universiti itu dengan ijazah yang diiktiraf itu bolehlah diambil oleh Kementerian Kesihatan. Jadi, yang mengambil ini ialah Kementerian Kesihatan. Jawatankuasa tadi tidak tahu berapa banyakkah bilangan yang diambil. Kita cuma menentukan taraf ijazah itu sahaja.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sebenarnya supaya saya tidak keliru bahawa setelah ditanya soalan tambahan tadi maka Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa semua diiktiraf oleh Kerajaan iaitu yang disebutkan Mesir, Korea, Indonesia dan sebagainya tadi. Ertinya setiap orang yang telah diambil iaitu orang Mesir, Korea, Indonesia dan sebagainya itu diiktiraf oleh Kerajaan dan oleh kerana diiktiraf oleh Kerajaan dia mendapat facilities yang tertentu. Tetapi setelah diberi penjelasan oleh Menteri Pelajaran, nyatalah penerangan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kesihatan itu tidak betul. Itu saya nyatakan, betulkah atau tidak betul?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham; Ahli Yang Berhormat itu pun tidak faham. Hakikatnya apa yang saya sebutkan ialah benar.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Saya tidak boleh buat apa-apa kalau Ahli Yang Berhormat tidak faham.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan selalu menyiarkan dalam talivisyen dan radio menyatakan bahawa doktor-doktor tidak cukup. Tetapi doktor-doktor yang memohon untuk masuk berkhidmat dengan Kerajaan pun terpaksa menunggu di antara enam hingga lapan bulan baharu diluluskan. Adakah benar keadaan yang begini dan berapa orangkah doktor-doktor yang sudah membuat permohonan dan berapa orangkah yang telah diambil berkhidmat?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri tahu ada lebih kurang 400 orang lebih sudah membuat

application yang belum diterima berkhidmat. Kerajaan menyatakan dalam talivisyen dan radio bahawa doktor-doktor tidak cukup. Orang-orang kampung dan orang-orang pekan pun susah oleh kerana doktor-doktor tidak cukup. Tetapi bila mereka membuat application sehingga sekarang pun tidak diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan sekarang Kementerian atau Kerajaan memberi dua tahun housemanship kepada doktor-doktor asing yang baharu, saya ingin tahu samada tempoh dua tahun housemanship itu cukup atau memuaskan kepada seorang doktor yang baharu. Selepas dua tahun itu mereka memegang jawatan yang mustahak, saya ingin tahu samada tempoh dua tahun itu cukup atau tidak?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

JENAYAH BERTAMBAH

7. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini bahawa tambahan bilangan jenayah di negara kita adalah satu perkara biasa, samada ini bermakna Kementerian beliau tidak akan ambil perhatian berat tentang bertambahnya bilangan jenayah tersebut.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Negara tidak pernah membuat kenyataan yang membawa erti bertambahnya jenayah di negara kita ini adalah satu perkara biasa. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah ucapan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara kepada Pegawai Kanan Polis pada 24-2-1975 yang dikutip oleh akhbar-akhbar tempatan, tetapi tidak dilapurkan dengan sepenuhnya dan memberi gambaran seperti itu. Ketua Polis Negara telah menjawab lapuran-lapuran dan rencana yang disiarkan oleh akhbar-akhbar berkenaan dengan sepenuhnya menyatakan iaitu soal memben-teras jenayah adalah tanggungjawab polis dan walau bagaimanapun kejadian jenayah bertambah. Reaksi kita janganlah pula sebagai terkejut dan menjadi kalam-kabut.

Saya suka menegaskan di sini Kerajaan sentiasa membuat kajian ke atas kedudukan jenayah dan akan mengambil semua langkah yang wajar untuk mengatasinya.

SUKATAN PELAJARAN UGAMA ISLAM

8. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa matapelajaran-matapelajaran “munakahat” dan “muamalat” telah dikeluarkan dari sukatan pelajaran agama untuk sekolah-sekolah menengah, dan jika ya, mengapa dan samada matapelajaran-matapelajaran ini akan dimasukkan semula dalam sukatan pelajaran tersebut memandangkan mustahaknya perkara-perkara itu dalam kehidupan penuntut-penuntut apabila dewasa kelak.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sukatan Pelajaran Uagama Islam yang ditetapkan bagi sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan mulai daripada Tingkatan I hingga V tidak mengandungi perkara-perkara “munakahat” dan “muamalat” kerana perkara-perkara itu dimasukkan dalam sukatan pelajaran Uagama Islam bagi Kolej Islam, Kelang dan Sekolah-sekolah Uagama yang lain dan juga dimasukkan di dalam sukatan pengajian Islam di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan. Adalah difikirkan murid-murid di peringkat ini belum layak untuk mempelajari perkara-perkara tersebut sehinggalah mereka itu difikirkan lebih matang. Lagi pula sekiranya dimasukkan perkara itu di peringkat ini akan menambahkan berat kepada murid-murid yang beragama Islam kecuali bagi mereka yang disediakan untuk menjadi bakal guru-guru agama.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya faham apa yang dijawab oleh pihak Menteri yang berkenaan. Tetapi apakah tidak benar perkara yang saya soal ini telah dimasukkan dalam sukatan pelajaran di masa yang lampau soal munakahat dan muamalat itu, tetapi sekarang tidak dimasukkan munakahat dan muamalat digantikan dengan bab haji di dalam sukatan pelajaran. Ini yang saya ingin tahu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku bahawa kedua-dua perkara ini telahpun dahulu ada di dalam

curriculum pelajaran bagi tingkatan-tingkatan yang tersebut, tetapi kita dinasihatkan oleh Majlis Penasihat Raja-raja Melayu yang terdiri daripada Yang di-Pertua ataupun Mufti Jabatan-jabatan Uagama Islam bahawa pelajaran ini tidak begitu sesuai untuk peringkat-peringkat tersebut oleh kerana perkara-perkara yang diajar itu tidaklah ada kaitannya dengan penuntut-penuntut yang berumur begitu rendah. Oleh sebab itu, Majlis Penasihat ini telah mencadangkan supaya mata-matapelajaran ini dihadkan kepada darjah-darjah yang lebih tinggi dan digantikannya dengan pelajaran agama yang lain.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya junjung tinggi penghargaan Majlis Raja-raja Melayu itu. Walaupun sudah dijawab oleh pihak yang berkenaan iaitu Tingkatan I sampai V tidak diajar perkara-perkara itu. Ada baiknya daripada Tingkatan IV sampai V dimasukkan munakahat dan muamalat ini kerana saya fikir adalah munakahat dan muamalat ini apa yang dikatakan oleh pihak yang berkenaan tadi menantikan pelajar-pelajar ini masuk Kolej Islam, Kelang dan pengajian Sijil Tinggi, tetapi bagaimana pula andaikata pelajar-pelajar yang tidak dapat masuk ke Kolej Islam, Kelang dan pengajian Sijil Tinggi itu, sedangkan pelajar-pelajar Tingkatan V ini keluar sekolah menurut kehendak Kerajaan hendak mengadakan bumiputra dalam lapangan bidang perniagaan ada kemahuan pelajar-pelajar ini kepada berniaga, sedangkan muamalat itu penting, itu soal bidang perniagaan. Dan bidang rumahtangga pula soal perkahwinan inilah yang difikirkan andaikata Tingkatan I tidak layak apakah baiknya Tingkatan IV-V menimbang rasa kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat menerusi ke Kolej Islam, Kelang dan pengajian Sijil Tinggi ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Menteri yang tidak begitu cekap di dalam bidang ini, saya terpaksa menerima pendapat dan nasihat daripada badan-badan yang diberi tanggungjawab tentang perkara yang semacam ini. Kalaulah pada pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini patut dimasukkan menjadi satu matapelajaran di Tingkatan IV dan V, saya ingin mengesyurkan supaya pendapat itu disampaikan kepada

Majlis Penasihat Pelajaran Ugama bagi Menteri Pelajaran supaya Majlis ini dapat menimbangkan perkara ini, kerana saya tidak begitu yakin bahawa saya layak untuk membuat pertimbangan.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah pelajaran akhlak diadakan di sekolah pada masa ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal, tetapi saya ingin memberitahu bahawa pelajaran ugama termasuk pelajaran akhlak.

Datuk Mansor bin Mohamad: Saya ingin hendak bertanya sedikit sahaja. Oleh kerana saya dengar soalan dan jawapan antara Menteri dengan Puan Hajjah Salmah menggunakan perkataan munakahat dan muamalat, kedua-dua perkataan ini ialah perkataan Arab, dan oleh kerana ramai di sini barangkali tidak faham, janganlah beliau berdua itu sahaja faham apa soalnya dan jawabnya, saya harap tolong terangkan dalam bahasa Malaysia apa dia munakahat dan muamalat tadi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "munakahat" ialah berkenaan dengan nikah-kahwin, aturan-peraturan berkenaan dengan nikah-kahwin, sebab itulah kita berpendapat bahawa budak-budak yang masih muda tidaklah payah belajar berkenaan dengan perkara ini. Berkenaan dengan muamalat pula ini ialah berkenaan dengan kontrak-kontrak perniagaan dan sebagainya iaitu ini berkaitan dengan perniagaan sebab itu Ahli Yang Berhormat tadi telah menerangkan bahawa ini mustahak supaya kita menggalakkan perniagaan, kerana pelajaran ini boleh memberi panduan berkenaan dengan perniagaan.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjelaskan perkataan "munakahat" dan "muamalat" (*Ketawa*). Saya minta diadakan serupa mata pelajaran ugama lain di sekolah-sekolah China dan Tamil.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berkenaan dengan "munakahat ini adalah berkenaan dengan

nikah-kahwin, dan bolehlah dimasukkan sebagai satu daripada ajaran sivik dan berkenaan dengan "muamalat" pula ia berhubung dengan perniagaan termasuklah di dalam mata pelajaran commerce yang ada diajar di setengah-setengah sekolah.

PAKAR PERUBATAN TINGKATAN TERTINGGI

9. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan menimbang mengadakan lebih banyak jawatan tingkatan tertinggi bagi pakar-pakar perubatan dalam Kementerian beliau bagi mereka-mereka yang layak dinaikkan pangkat untuk mengelakkan mereka daripada berhenti daripada berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya akan menimbangkan untuk mengadakan lebih banyak jawatan tingkatan tertinggi bagi pakar-pakar perubatan dalam Kementerian ini. Ini adalah untuk membolehkan mereka yang layak dinaikkan pangkat, tetapi bukanlah dengan tujuan yang tertentu untuk menyekat doktor-doktor dari meninggalkan perkhidmatannya dengan Kerajaan.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA—PERMOHONAN

10. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak 31hb Ogos, 1957 sehingga 28hb Februari, 1975, berapa bilangan permohonan-permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia yang dibuat oleh orang-orang India yang mempunyai kad pengenalan merah dan yang menetap di Malaysia, dengan memberikan angka-angka bagi:

- (a) bilangan permohonan-permohonan yang telah diluluskan; dan
- (b) bilangan yang telah ditolak, dalam tempoh yang sama.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka-angka pecahan mengikut bilangan kaum, kerana bukanlah menjadi amalan Kementerian ini untuk menyimpan angka-angka itu mengikut pecahan kaum.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebabnya apabila seseorang membuat permohonan untuk mengambil sijil kerakyatan warganegara Malaysia tidak diberi acknowledgement iaitu permohonan itu telah sampai di Pejabat Warganegara?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua permohonan itu ada diberi surat jawapan, mungkin ada satu dua yang tertinggal itu barangkali oleh kerana banyak sangat permohonan-permohonan seumpama itu. saya kirakan memang ada tertinggal, tetapi biasanya diberi jawapan.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dari sekian masa tiap-tiap satu permohonan telah diproses dan dijawab kepada si pemohon oleh Kementerian. Pada masa sekarang tidak begitu memuaskan, oleh sebab satu-satu permohonan telah mengambil masa lebih 3-4 tahun. Adakah masa dihadkan bagi tiap-tiap permohonan Kerajaan akan menimbangkannya seperti 6 bulan atau satu tahun?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak menghadkan masanya tetapi Kementerian ini adalah sentiasa bekerja bagi memproses tiap-tiap permohonan. Tetapi biasanya memang mengambil masa antara 2, 3 atau 4 tahun. Kerana selain daripada kita proses permohonan, kita juga terpaksa meneliti latar belakang si pemohon. Kalau Yang Berhormat itu boleh, dan saya nampak daripada soalan ini dimaksudkan daripada pemohon-pemohon kita orang-orang India. Jika Ahli Yang Berhormat ini dapat tolong memberi nasihat supaya mereka itu tidaklah selalu sangat balik ke India, kerana biasanya setiap permohonan adalah dipertimbangkan berdasarkan latarbelakang dan mereka itu kita faham betul-betul dan yakin benar bahawa ia seorang yang akan menumpahkan taat setia kepada negara ini. Tetapi kalau mereka itu selalu sahaja misalnya dua tiga tahun sekali balik ke India dan selepas itu berkahwin pula di India; ini memanglah satu hal yang sukar bagi kita hendak menimbangkannya. Saya sendiri pernah bercakap di dalam perjumpaan MIC, saya katakan, tolong beri nasihat kepada kaum

kita orang India, tidak payahlah berkahwin di India, kahwin sajalah di sini, kerana aci-aci yang hitam manis pun banyak di sini, mengapa kahwin di India. Tetapi kalau hal semacam ini berlaku memanglah proses itu lambat dan boleh dijawab "tidak dapat". Bukan bererti sekali tidak dapat, mungkin dia mengambil masa yang lama lagi untuk diproses.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa banyak daripada permohonan-permohonan yang dibuat untuk mendapatkan Sijil Kewarganegaraan, kebanyakan pemohon-pemohon itu telahpun berkahwin dengan perempuan-perempuan tempatan di Malaysia yang mana ibu-bapa mereka warganegara Malaysia. Adakah Menteri itu sedar?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar hal ini. Permohonan semacam ini biasanya diluluskan, tetapi kadang-kadang prosesnya mengambil masa. Biasanya pemohon semacam ini memang diluluskan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya di sini atas prinsip atau dasar apakah pihak Kerajaan melulus atau menolak sesuatu permohonan untuk mendapatkan Sijil Kewarganegaraan itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengikut Perlembagaan dan Undang-undang Negara.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan. Saya rasa dukacita apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang menyatakan orang-orang India selalu balik dan berkahwin di India. Jadi bolehkah Kerajaan membuat satu undang-undang untuk menghalang seseorang itu samada Melayu, India atau China daripada berkahwin di luar negeri? Kerana saya tidak nampak hanya orang-orang India sahaja yang pergi ke India berkahwin tetapi ada juga saya dapati orang-orang lain yang pergi ke England untuk berkahwin. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut berkenaan MIC supaya tolong nasihat mereka yang pergi ke India, janganlah berkahwin di sana. Barangkali mereka pergi kerana hendak sembahyang. Ini memanglah ada. Cuma

menunjukkan bahawa matlamat tersebut akan dapat dicapai dan setakat ini berapa peratuskan yang telah diperolehi oleh rakyat.

Perdana Menteri: Kerajaan merasa yakin bahawa matlamat 70% daripada hakmilik saham modal di dalam negara boleh dicapai oleh warganegara Malaysia menjelang tahun 1990. Dalam pada itu Kerajaan sedar bahawa usaha-usaha yang sepenuhnya perlu ditumpukan kepada bumiputra, sekiranya hakmilik mereka yang sekarang ini hanya 2%, hendak ditinggikan kepada matlamat 30% menjelang tahun 1990. Untuk mencapai matlamat tersebut kaum bumiputra hendaklah membesarkan lagi pengambilan "shares" yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat terutama sekali syarikat-syarikat baru di dalam sektor perkilangan. Pengambilan ini adalah besar. Misalnya, adalah dijangkakan bahawa ekonomi Malaysia akan menambahkan sebanyak \$41 billion modal saham di antara tahun 1970-1990. Lebih kurang \$14 billion dari ini adalah perlu dimiliki oleh bumiputra, jika matlamat 30% itu hendak dicapai menjelang tahun 1990.

Adalah diketahui iaitu pada ketika ini orang-orang Melayu (bumiputra) kecuali sebilangan kecil sahaja, tidak mempunyai pendapatan simpanan wang dan pengalaman dalam hal pelaburan bagi membolehkan mereka memiliki sebahagian besar dari saham modal itu. Oleh kerana sebab-sebab tersebut, maka Kerajaan mengadakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan tertentu untuk memberi bantuan yang istimewa kepada mereka. Contohnya: Yunit Khas di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang menolong bumiputra mendapat saham-saham dalam syarikat dalam negeri ini. Usaha-usaha Kerajaan seperti ini tidak bertujuan hendak memperkayakan sebilangan kecil daripada kaum bumiputra. Sebaliknya usaha-usaha ini terbuka kepada semua bumiputra. Rancangan-rancangan tertentu, sebagaimana yang dijalankan oleh MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah bertujuan untuk membahagikan faedah-faedah dari hakmilik saham modal kepada semua golongan masyarakat Melayu (bumiputra). Saya berharap dengan pelaksanaan rancangan-rancangan ini maka orang-orang Melayu (bumiputra) akan mempunyai lebih

keupayaan dan kecekapan untuk mengumpul harta kekayaan melalui usaha-usaha mereka sendiri dan akan memiliki jumlah yang besar saham modal dalam Malaysia.

Bagi pihak orang-orang yang bukan Melayu pula Kerajaan merasa yakin bahawa mereka akan dapat membesarkan penanaman modalnya dalam perkembangan ekonomi negara ini untuk mencapai matlamat Kerajaan yang tersebut itu dengan melalui private sector semata-mata.

Orang-orang bukan Melayu terutama peniaga-peniaga besar bukan sahaja mempunyai modal sendiri tetapi dengan mudah dapat meminjam wang daripada punca-punca biasa. Dengan adanya tenaga manusia yang mahir dikalangan mereka akan memudahkan lagi mereka dapat mengambil bahagian yang besar dalam perkembangan ekonomi negara. Peniaga-peniaga kecil bukan Melayu adalah juga mendapat bantuan daripada Kerajaan melalui pinjaman wang daripada C.G.C. (Credit Guarantee Corporation).

Walaupun menjadi hakmilik negara bukannya menjadi dasar Kerajaan tetapi usaha memberi peluang kepada rakyat samada orang Melayu ataupun orang bukan Melayu mempunyai modal sebanyak 50% itu bukan dapat dilaksanakan semata-mata dengan mengembangkan lagi ekonomi negara ini. Pendek kata perkembangan ekonomi negara yang akan datang akan dilaksanakan lebih banyak oleh rakyat negara daripada kemasukan modal luar.

Berhubung dengan soalan bahagian akhir, Kerajaan adalah di dalam proses menentukan kemajuan yang telah dicapai sejauh ini dalam usaha menambahkan pemilikan saham modal oleh rakyat dalam ekonomi negara. Hasil dari kajian semula itu akan dibincangkan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dikemukakan kepada Parlimen pada penghujung tahun ini.

TANAH DI LEMBAH LEBER—TANAMAN

13. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada tanah di kawasan Lembah Leber, Ulu Kelantan yang telah dicadangkan sebagai Kawasan Pembangunan Kelantan Tenggara itu sesuai untuk

pertanian dan berapa luas yang sesuai untuk tanaman kelapa sawit, getah dan lain-lain. Bilakah penyiataan tentang kesuainya tanah itu untuk jenis tanam-tanaman telah dibuat.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Penyiataan tentang kesesuaian tanah di Kawasan Lembah Leber, Ulu Kelantan itu sudahpun dijalankan dalam tahun 1972/1973 dan didapati hanya seluas lebih kurang 50,000 hingga 60,000 ekar berkelompok-kelompok di kiri kanan sungai dan anak-anak sungai Leber adalah sesuai untuk tanaman, itu pun dengan getah sahaja.

GURU-GURU DI SEMENANJUNG MALAYSIA

14. Cik Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru di Malaysia sekarang ini mengikut kaum dan daripada jumlah ini berapa orang perempuan dan berapa orang guru besar.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Bilangan guru-guru di Semenanjung Malaysia pada masa ini (tahun 1975) mengikut kaum dan jantina ialah seperti berikut:

Melayu	Laki-laki	=	24,581
			Perempuan	=	13,414
China	Laki-laki	=	13,398
			Perempuan	=	13,922
India dan Pakistan	Laki-laki	=	4,417
			Perempuan	=	2,954
Lain-lain	Laki-laki	=	394
			Perempuan	=	542
Jumlah	Laki-laki	=	42,790
			Perempuan	=	30,832

Bilangan guru-guru besar di Semenanjung Malaysia pada masa ini (tahun 1975) mengikut kaum dan jantina ialah seperti berikut:

Melayu	Laki-laki	=	2,699
			Perempuan	=	89
China	Laki-laki	=	1,199
			Perempuan	=	143
India dan Pakistan	Laki-laki	=	755
			Perempuan	=	59
Lain-lain	Laki-laki	=	40
			Perempuan	=	39
Jumlah	Laki-laki	=	4,693
			Perempuan	=	330

PEKERJA LADANG/KELAPA SAWIT—RANCANGAN BUKU HIJAU

15. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pekerja-pekerja ladang getah dan kelapa sawit melaksanakan rancangan Buku Hijau Kerajaan; dan
- samada Kerajaan bercadang untuk mendapatkan kerjasama dari pengurus-pengurus ladang untuk memberikan tanah kepada pekerja-pekerja mereka bagi menjayakan rancangan Buku Hijau.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- Rancangan Buku Hijau ialah untuk semua rakyat, dan adalah diharap semua pihak termasuk pekerja-pekerja ladang getah dan kelapa sawit telah menyambut seruan ini dengan tidak perlu mendapatkan galakan khas.
- Ya, bagi maksud membenarkan pekerja-pekerja menggunakan tanah-tanah yang boleh diusahakan.

MAJALLAH/SURAT KHABAR MALAYSIA KE SINGAPURA—SEKATAN

16. Datuk Haji Abdul Razak bin Hussein minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- oleh sebab beberapa majallah-majallah yang diterbitkan di Malaysia dilarang untuk dibawa masuk ke Singapura oleh Kerajaan Singapura, adakah Kerajaan bersedia mengambil langkah tindak-balas iaitu menahan pula majallah-majallah yang diterbitkan di Singapura itu daripada dibawa masuk ke Malaysia; dan
- adakah Kementerian Dalam Negeri atau Kerajaan bersedia berunding dengan Kerajaan Singapura supaya penerbitan-penerbitan Malaysia itu dapat diedarkan ke Singapura memandangkan perhubungan baik pemimpin-pemimpin kita dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan Singapura, demi untuk kebaikan dan menghormati sesama ahli ASEAN.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Kerajaan Singapura adalah berhak untuk menyekat majallah-majallah dan suratkhbar-suratkhbar daripada luar negeri termasuk daripada Malaysia mengikut kepentingan negara mereka dan begitu juga Malaysia adalah berhak untuk menyekat penerbitan-penerbitan daripada luar negeri termasuk daripada Singapura demi kepentingan negara ini. Perkara tindak-balas tidaklah menjadi soalan.
- (b) Perundingan adalah tidak perlu kerana ini adalah perkara persendirian negara Singapura.

TUGU KUALA LUMPUR

17. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar bahawa Majlis Bandaraya Kuala Lumpur akan mendirikan sebuah tugu yang dinamakan "Tugu Kuala Lumpur" iaitu bagi mengingati penubuhan Bandaraya Kuala Lumpur yang akan memakan belanja berjuta ringgit; jika sedar, adakah beliau bersedia menggururkan rancangan itu memandang kepada keadaan inflasi sekarang ini atau mengadakan suatu rancangan yang lain yang benar-benar berfaedah selain daripada mendirikan tugu dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar memang sedar akan rancangan pentadbiran Dewan Bandaraya untuk mendirikan sebuah Tugu. Sebenarnya pembinaan Tugu ini adalah kerana mengingati pembukaan Kuala Lumpur oleh peneroka-peneroka lebih daripada 100 tahun dahulu dan bukannya sebagai mengingati penubuhan Bandaraya. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar tidak berniat untuk menggururkan rancangan ini, kerana belanja membina Tugu ini adalah datangnya dari hasil kutipan derma orang ramai dan syarikat-syarikat perniagaan tempatan. Perlu juga ditegaskan di sini iaitu jumlah wang yang diperlukan bagi membina Tugu ini adalah tidak lebih dari 1 juta ringgit. Juga, Tugu ini adalah dimaksudkan untuk tujuan-tujuan rekreasi terutamanya bagi mereka-mereka yang tinggal di kawasan pusat perdagangan di mana kemudahan-kemudahan tersebut adalah sangat berkurangan.

KELINIK PERSENDIRIAN—PEN-DAFTARAN

18. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan klinik-klinik persendirian yang didaftarkan di negara ini termasuk di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) bilangan doktor-doktor yang bersara dari perkhidmatan Kerajaan untuk memulakan perniagaan sendiri atau kerana sebab-sebab lain dalam tahun 1974.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Brang, Ulu Trengganu itu tidak di dapati kerana kelinik-klinik persendirian tidak dikehendaki mendaftar dengan Jabatan Perubatan dan Kesihatan. Hanya Pengamal-pengamal Perubatan sahaja yang dikehendaki untuk didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971. Sehingga ke 1-1-1975 ada seramai 1,105 Pengamal Perubatan yang berdaftar dalam Sektor Swasta termasuk Sabah dan Sarawak.
- (b) Jumlah bilangan doktor-doktor yang meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1974 adalah seramai 157 orang. Tidak ada rekod yang menunjukkan bilangan doktor-doktor yang meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan dengan tujuan memulakan perniagaan sendiri. Ini adalah kerana semasa mereka mengemukakan surat perletakkan jawatan, kebanyakan mereka hanya memberi sebab-sebab peribadi atau tidak memberi alasan yang tertentu.

SAMSU HARAM

19. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa bilangan kedai-kedai samsu haram dan orang-orang yang minum samsu itu semakin bertambah, jika sedar, apakah tindakan, selain daripada yang ada sekarang, yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mencegah dan mengawal perkara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Penangkapan-penangkapan yang dibuat oleh pihak Polis setakat ini adalah ke

atas orang-orang yang dijumpai memiliki atau menyuling samsu haram. Tangkapan-tangkapan itu tidak dapat menunjukkan samada atau tidak pertambahan bilangan kedai-kedai samsu haram atau orang-orang yang meminum samsu haram.

Pihak Polis dan Kastam adalah sentiasa mengambil tindakan menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan kesalahan berkaitan samsu haram. Tindakan yang giat dan hebat sedang diambil terhadap orang-orang yang menyuling samsu haram dan menjualnya.

RUMAH ANGGOTA-ANGGOTA POLIS

20. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau ada rancangan untuk memberi rumah-rumah yang lebih baik kepada anggota-anggota Polis mengikut bilangan ahli dalam keluarga supaya mereka yang berkeluarga besar akan mendapat rumah yang agak besar dan lebih selesa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jenis rumah bagi anggota-anggota Polis adalah mengikut pangkat dan bukannya mengikut besarnya keluarga seseorang anggota itu.

HOSPITAL DAERAH MUAR— KEKURANGAN UBAT

21. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan ulasan beliau terhadap satu kenyataan dalam akhbar "Utusan Melayu" keluaran 24-2-75 bertajuk "Hospital Muar kekurangan ubat" sebagaimana disalinakan di bawah ini:

"Muar, 3 Feb. Hospital Daerah Muar sedang menghadapi kekurangan ubat-ubat mustahak untuk diberikan kepada pesakit-pesakit, antaranya Panadol, ubat demam dan sakit perut.

Ramai pesakit yang dirawat di hospital itu tidak dapat diberi ubat, sebaliknya dinasihatkan supaya membeli ubat di kelinik-kelinik luar.

Sumber yang layak dipercayai menyatakan, kekurangan ubat di hospital itu telah berlaku sejak tiga bulan lalu.

Kekurangan ubat itu dilaporkan ke Hospital Besar Johor Bahru yang menjaga stok ubat bagi semua hospital di Negeri Johor tetapi hingga sekarang belum dapat dibekalkan lagi."

(a) samada tuduhan itu benar, sebahagiannya benar atau tidak benar; dan

(b) jika tuduhan itu benar, apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kementerian supaya, di masa akan datang semua hospital daerah dibekalkan dengan ubat yang mencukupi dan semua permintaan mengenai ubat dapat dilayan dengan segera untuk mengelakkan kesusahan kepada pesakit-pesakit.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya berpendapat bahawa kenyataan akhbar itu bukanlah satu lapuran yang adil. Sebahagian daripada tuduhan itu adalah benar. Mungkin ada kekurangan bekalan ubat "Panadol" di Hospital Daerah, Muar pada ketika itu tetapi ada banyak lagi ubat-ubat lain selain daripada "Panadol" yang boleh didapati untuk demam dan sakit perut. Namun begitu Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menguat dan membaiki lagi pengurusan lojistik setor perubatan dan pembekalan bagi hospital tersebut.

TUNTUTAN KESATUAN ANGGOTA JABATAN PENERANGAN

22. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa rancangan bagi menimbang semula permintaan yang dibuat oleh Kesatuan Anggota-anggota Jabatan Penerangan Malaysia untuk kajian semula tanggajaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan semua peringkat kakitangan dalam Jabatan Penerangan Persekutuan, dalam satu memorandum yang telahpun diserahkan kepada Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 26hb November, 1973.

Perdana Menteri: Kerajaan telah mengkaji dengan mendalam tuntutan oleh Kesatuan Anggota-anggota Jabatan Penerangan seperti yang dikemukakan di dalam memorandumnya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 26hb November, 1973. Majlis Bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan telah membuat tawaran kepada Kesatuan itu terhadap beberapa perkara daripada tuntutannya yang mempunyai asas. Pihak Kesatuan setelah mengkaji tawaran Kerajaan itu telah mengemukakan cadang-balasnya supaya

dibuat pindaan-pindaan. Cadang-balas Kesatuan itu telahpun dikaji dan jawapan diberikan kepadanya. Sehingga Kesatuan mengambil keputusan terhadap tawaran Kerajaan itu soal memberi timbangan semula pada ketika ini tiada berbangkit.

MINYAK NEGARA-NEGARA ARAB— UGUTAN DR HENRY KISSINGER

23. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada suatu bantahan telah dihantar oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Amerika Syarikat mengenai ugutan yang dibuat oleh Setiausaha Luar Negara Amerika Syarikat Dr Henry Kissinger terhadap negara-negara Arab baru-baru ini bahawa Amerika Syarikat akan menggunakan kekerasan sekiranya negara-negara Arab enggan menjual minyak kepada Amerika Syarikat atau kepada negara-negara Barat yang lain.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Sepanjang yang diketahui, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr Henry Kissinger tidak ada membuat kenyataan rasmi yang boleh disifatkan sebagai satu ugutan untuk menggunakan kekerasan yang khas ditujukan kepada negara-negara Arab, sekiranya negara-negara Arab enggan menjual minyak kepada Amerika Syarikat atau negara-negara Barat yang lain.

Oleh sebab demikian Kerajaan tidak merasa perlu membuat sebarang bantahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat.

CUKAI PENDAPATAN— TUNGGAKAN

24. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Menteri Kewangan menyatakan hingga 31hb Disember, 1974, berapa banyakkah wang tunggakan cukai pendapatan bagi tahun 1973 dan tahun-tahun sebelumnya yang belum diterima oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dari tunggakan cukai pendapatan syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan dan juga tunggakan cukai pendapatan dari orang-orang perseorangan.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Wang tunggakan cukai pendapatan untuk tahun 1973 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya yang belum dipungut oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri pada 31hb

Disember, 1974 ialah sebanyak \$166.5 juta, iaitu \$103.1 juta dari syarikat-syarikat dan \$63.4 juta dari orang-orang perseorangan dan lain-lain.

PINJAMAN PERUMAHAN PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN

25. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Menteri Kewangan menyatakan dari tahun 1970 hingga 31hb Disember, 1974, berapa banyakkah jumlah wang pinjaman perumahan dari Perbendaharaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia; berapa bilangan pegawai-pegawai yang menerima pinjaman itu, dan bilakah jangkanya wang pinjaman perumahan itu akan habis dibayar balik.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (a) Jumlah wang pinjaman perumahan dari Perbendaharaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang diluluskan dari tahun 1970 hingga 31hb Disember, 1974 ialah \$239,442,739.
- (b) Seramai 12,035 orang pegawai Kerajaan telah menerima pinjaman bagi tempoh yang disebutkan itu.
- (c) Bayaran balik pinjaman perumahan adalah selama tidak melebihi tempoh 15 tahun tetapi bagi mereka yang bergaji kurang dari \$250 sebulan, tempoh pinjaman adalah selama 20 tahun.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (14hb April, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Clause 3—(i) dan (v), saya mohon berucap dalam bahasa Inggeris, oleh sebab apa yang akan saya cakapkan di sini terlibat dalam bahagian bahasa Inggeris di dalam Rang Undang-undang ini.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, clause 3 of the Bill reads:

“(i) by inserting immediately after paragraph (c) of subsection (1) the following new paragraph (d)—

“(d) possesses, otherwise than for his private or domestic use, any infringing copy;”

and sub-clause (v) reads as follows:

“(v) by inserting immediately after subsection (5) the following new subsection (6)—

“(6) For the purpose of paragraph (d) and (f) of subsection (1) any person who has in his possession three or more infringing copies shall, unless the contrary is proved, be presumed to be in possession of or to import such copies otherwise than for private or domestic use.”

What I want to ask here is what happens if a person possesses two infringing copies. He is guilty under the new paragraph (d) of subsection (1), but he may not be guilty under the new subsection (6). I would like the Minister concerned to clarify on this point.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, minta maaf, kerana saya kurang faham teguran daripada Ahli Yang Berhormat, bolehkah diucapkan sekali lagi?

Datuk Dr Wee Khoo Hock: What I want to raise here is under the new paragraph (d) it states that if you possess one infringing copy otherwise than for your private or domestic use you are committing an offence, for under Clause 3, the new paragraph (d) of subsection (1) states “possesses, otherwise than for his private or domestic use, any infringing copy”; so here if you are in possession of one copy you are committing an offence—that is on page 2 of the English version of the Bill. However, the new subsection (6) under (v) states—

“(6) For the purpose of paragraphs (d) and (f) of subsection (1) any person who has in his possession three or more infringing copies shall, unless the contrary is proved, be presumed to be in possession of or to import such copies otherwise than for private or domestic use.”

To make it clearer I shall read the Explanatory Statement below:

“Clause 3 seeks to make it an offence to possess an infringing copy otherwise than for private or domestic use, to provide that a person who possesses or imports three or more infringing copies is presumed to be in possession or to import otherwise than for private or domestic use and to increase the penalty for offences under the Act.”

If somebody has two infringing copies he is guilty under the new paragraph (d) of subsection (1) but he may not be guilty under the new subsection (6). I would like Yang Berhormat Minister to clarify on this point.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Yang sebenarnya sebagaimana yang saya jelaskan semalam cuma penyimpanan tiga salinan naskah sahaja yang menunjukkan keadaan dalam mana orang itu dianggap melakukan kesalahan prima facie. Kalau di bawah daripada tiga salinan itu, rasa saya tidaklah dianggap yang dia telah melakukan kesalahan dan minimanya adalah tiga naskah sahaja.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.40 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang dinamakan Rang Undang-undang Ahli Kimia, 1975, dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang Ahli Kimia ini ialah bagi menubuhkan sebuah badan mengandungi ahli-ahli terdiri daripada orang-orang yang berkelulusan kimia (chemistry). Seperti yang diperuntukkan

dalam Fasal 3(1) badan yang akan ditubuhkan itu akan bertaraf sebagai satu pertubuhan perbadanan. Dengan ini Rang Undang-undang tersebut akan memberi pengiktirafan dan status yang sama dengan persatuan-persatuan professional yang lain seperti akauntan, doktor, jurutera dan sebagainya. Ini akan membolehkan Instituti Kimia Malaysia memelihara kebajikan ahli-ahli kimia Malaysia bagi kepentingan rakyat dan negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bidang kimia meliputi semua aktiviti manusia. Antara aktiviti ini ialah menganalisa barangan, pengawalan mutu dan juga pengawalan barangan supaya bebas dari bahaya untuk kegunaan orang-ramai. Memandangkan kepada aktiviti ahli-ahli kimia ini adalah berkaitan secara langsung atau tidak langsung ke atas kesihatan dan ekonomi negara ini maka adalah perlu supaya code of ethics diadakan untuk mengawasi segala aktiviti di dalam bidang kimia dan juga untuk memberi galakan dan saluran bagi meninggikan mutu amalan kimia di negara ini. Rang Undang-undang seperti ini adalah lebih diperlukan di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia memandangkan masih ramai lagi bilangan penduduk-penduduk yang kurang faham akan aktiviti-aktiviti kimia.

Rang Undang-undang ini akan menentukan bahawa ahli-ahli kimia yang kurang berkelayakan tidak akan memberi atau mengadakan atas apa-apa sifat penentu atau tiada seseorang boleh memperakui atau mengisytiharkan secara bertulis keputusan apa-apa cerakinan kimia bagi maksud menentukan spesifikasi sesuatu benda atau keluaran yang dimakan atau digunakan atau yang dicadang untuk dimakan atau digunakan oleh orang ramai atau mana-mana golongannya.

Secara ringkas, Rang Undang-undang ini akan:

- (1) Mengawasi profesyen kimia.
- (2) Menjaga kepentingan orang ramai.

Adalah diketahui terdapat sebilangan ahli-ahli kimia yang under qualified atau ahli-ahli kimia dari universiti-universiti yang tidak diiktiraf, yang pada masa ini bekerja di firma-firma perusahaan. Ini adalah merupakan satu ancaman kepada kesihatan

orang ramai dan juga kepada ekonomi negara ini. Dengan ujudnya Instituti Kimia Malaysia mereka yang kurang berkelayakan akan berpeluang mengambil peperiksaan-peperiksaan yang disediakan oleh Instituti Kimia Malaysia untuk melayakkan diri mereka dalam pekerjaan kimia. Dengan cara begini bukan sahaja mutu profesyen dibaiki tetapi juga wujud ahli-ahli kimia yang bermutu untuk berkhidmat kepada negara.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi Instituti Kimia Malaysia akan ditubuhkan di bawah Fasal 3 (1) sebagai satu pertubuhan perbadanan yang akan terdiri daripada orang yang didaftarkan di bawah Akta ini sebagai anggota-anggota instituti. Orang-orang yang layak menjadi anggota-anggota ialah:

- (a) Mereka yang sebelum berkuat-kuasanya Akta ini adalah anggota-anggota bagi Instituti Kimia Malaysia yang ada sekarang dan mereka yang telah lulus dalam mana-mana daripada peperiksaan-peperiksaan yang dinyatakan di Jadual Kedua.
- (b) Kuasa-kuasa dan tugas-tugas instituti adalah dinyatakan di dalam Fasal 3 (2) dan 7.

Di bawah Fasal 8 instituti akan berkuasa membuat kaedah-kaedah yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta dan bagi pentadbiran yang sempurna. Instituti dan Kumpulanwangnya akan dikelolakan oleh Majlis Instituti yang akan terdiri dari Ketua Pengarah Kimia dan 13 orang anggota-anggota instituti yang dipilih oleh anggota-anggota.

Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua Instituti akan dipilih oleh Majlis dari di antara anggota-anggota Majlis.

Fasal 10 dan 11 adalah berkenaan dengan kuasa-kuasa Majlis.

Di bawah Fasal 12 Majlis akan berkuasa membuat kaedah-kaedah yang boleh dibuat oleh instituti di bawah Fasal 8 tetapi kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis akan tertakluk kepada pindaan ataupun pembatalan oleh instituti.

Fasal 13 membolehkan Menteri memberi kepada Majlis arahan-arahan am yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini. Antara kewajipan-kewajipan Majlis ialah

melantik Setiausaha dengan kelulusan-kelulusan Menteri dari anggota-anggotanya, menerima orang-orang masuk sebagai anggota-anggota instituit dan melantik satu Jawatankuasa Penyiasatan dan satu Jawatankuasa Tata-tertib.

Ketua Pengarah Kimia Malaysia adalah dengan tersendirinya menjadi Pendaftar Instituit. Anggota-anggota Instituit akan terdiri daripada tiga gred: Fellows, Associates dan Licentiate, dan akan berhak memperihalkan diri mereka mengikut cara yang diperuntukkan oleh Fasal 18. Anggota-anggota akan tertakluk kepada larangan-larangan tertentu mengenai amalan mereka. Orang-orang yang bukan anggota-anggota akan tertakluk kepada larangan-larangan dan sekatan-sekatan tertentu tentang perbuatan-perbuatan yang terjumlah kepada mengemukakan diri sebagai ahli kimia berdaftar dan juga tentang perbuatan-perbuatan tertentu berhubung dengan analisa kimia. Dan fasal 25 adalah berkenaan dengan amalan-amalan fraud (tipuan).

Fasal 27 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri melantik pemeriksa-pemeriksa bagi maksud-maksud Akta dan untuk memperuntukkan kuasa-kuasa mereka. Instituit yang sedia ada sekarang akan berhenti daripada wujud apabila Akta ini bermula berkuatkuasa dan harta hak-hak dan tanggungannya akan berpindah kepada institusi berkanun di bawah Fasal 29.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.50 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan dan tahniah kepada Kementerian ini yang telah dapat mewujudkan Rang Undang-undang Badan Kimia ini dan dengan ini menjadikan satu ketegasan kepada Kerajaan dan juga tidak menjadi kebimbangan kepada rakyat yang mana kadangkala memakan sesuatu akan mendatangkan mudarat baginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak membuat bahasan yang begitu lanjut tetapi cuma saya hendak menyentuh atas pandangan-pandangan, hujah-hujah yang

diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ketika meminta Rang Undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini memang telah bertambah perkilangan, ini adalah galakan daripada Kerajaan. Perkilangan-perkilangan ini telah diadakan oleh pihak swasta samada syarikat dalam negeri dan juga luar negeri. Mereka telah mengadakan bilik makmalnya sendiri dan menganalisa sesuatu bahan-bahan yang akan diprosesnya daripada kilang mereka. Kadangkala menjadi satu masalah yang telah dibangkitkan berhubung dengan pati perasa ini juga dianalisis oleh setengah-setengah kilang yang membuat bahan-bahan tersebut. Daripada analisa kilang-kilang ini dia akan memproseskan bahan-bahan ini dan akan diedarkan kepada orang ramai. Kadangkala hal-hal yang seperti ini mendatangkan mudarat kepada kesihatan manusia kepada tubuh badan manusia, dengan itu saya percaya dengan adanya Badan ini akan memberikan pengiktirafan atas usaha-usaha yang dibuat oleh makmal daripada kilang yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita fikirkan dalam masalah perkembangan negara kita ini dan Badan Ahli Kimia ini telah wujud iaitu kilang-kilang telah wujud dan bertambah banyak dalam negeri ini daripada bahan-bahan yang dikeluarkan daripada ini seperti kilang kelapa sawit, kilang getah, tetapi malangnya air daripada kilang-kilang ini mengalir ke sungai-sungai dan ke anak-anak sungai akan mematikan ikan-ikan di kawasan itu. Dengan adanya Ahli Kimia ini saya fikir dia boleh membuat satu analisa supaya mencarikan satu bahan bila mana digunakan bahan itu kepada air-air yang keluar daripada kilang-kilang yang saya sebutkan ini racun yang ada pada air itu akan tidak boleh mematikan ikan-ikan dalam kawasan sungai yang telah saya sebutkan itu.

Selain daripada itu, dalam masalah Ahli Kimia Analisa ini juga saya memahamkan kalau tidak betul saya harap Ahli Yang Berhormat Menteri boleh membetulkan, kadangkala berlaku satu kemalangan jalanraya, kematian seseorang dengan sebab kemalangan jalanraya itu jujuk atau anggota manusia ini dibawa dan dianalisisakan memuatkan ketentuan daripada punca apa kematiannya itu. Jadi saya mengharapkan dalam masalah ini bolehlah pihak Kementerian yang berkenaan

memberikan satu pertimbangan sekiranya berlaku kemalangan ini kepada mayat orang Islam saya harap dilepaskan daripada analisa atau di post-mortem sebab telah dipersetujui oleh waris yang simati itu dan juga bagi pihak polis dan juga Mahkamah bahawa kematian itu memang sebab kemalangan bukan dengan sebab sesuatu. Saya membawakan masalah ini dengan sebab memandangkan mayat-mayat atau jujuk mayat-mayat ini dibawa kepada Jabatan Kimia disiasat bagi menentukan kematiannya kalau dilepaskan daripada post-mortem atau dilepaskan daripada kajian ini saya fikir ini menjadikan satu kelonggaran dan memberikan kehormatan kepada mayat-mayat orang Islam ketika sudah mati. Jadi dengan ini sekali lagi saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

3.55 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad berkenaan dengan tegu-rannya dan saya cuma hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu saudara saya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan mengemukakan satu Rang Undang-undang pada hari ini berkenaan dengan kawalan yang ketat akan dikenakan kepada kilang-kilang yang akan memproses barang-barang keluaran yang boleh mengotorkan air-air sungai ataupun air laut dalam negara kita ini; bersama-sama dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar akan meneliti dari semasa ke semasa berkenaan dengan pollution di sungai-sungai dan juga udara dan laut.

Berkenaan dengan post-mortem itu sebenarnya perkara ini adalah di bawah Kementerian Kesihatan kerana seseorang yang mati berlanggar mayatnya terpaksa dibawa ke hospital dan diperiksa oleh seorang pakar perubatan dan disahkan mati, tetapi kadang-kadang jujuk itu untuk hendak mengesahkan kematian itu dibawa kepada Institute of Medical Research dan kadangkala ada juga dibawa kepada Pejabat Kimia. Ini adalah dengan sebab kajian yang tidak dapat dielakkan tetapi adalah jarang-jarang benar dibawa kepada Jabatan Kimia, tetapi setakat yang saya tahu post-mortem ini dibuat di

hospital-hospital dan sekiranya ada keru-mitan dibawa kepada Institute of Medical Research. Itu sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dis-tujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 29 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYE- LIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk menubuhkan suatu pihak berkuasa yang tunggal iaitu Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia) ringkasnya SIRIM bagi menggantikan, mengambil alih dan meneruskan tugas-tugas Pusat Piawaian Malaysia (SIM) dan Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara (NISIR).

Dengan adanya satu pihak berkuasa yang tunggal ini iaitu SIRIM dapatlah kita memusatkan aktiviti-aktiviti yang dahulunya dijalankan oleh SIM dan NISIR ke dalam satu tenaga professional dan pentadbiran yang lebih berkesan dan menguntungkan. Pada masa ini SIM dan NISIR mempunyai seramai kira-kira 66 orang kakitangan professional. Di bawah SIRIM tenaga professional ini dapat memberi perkhidmatan yang seluas-luasnya di samping menghadapi masalah "over specialization" dan "compartmentalization". Langkah ini sudah tentu dapat menjimatkan perbelanjaan di dalam pembelian alat-alat kelengkapan.

Dengan tertubuhnya SIRIM, Perbadanan ini dapat menggunakan sepenuhnya alat-alat kelengkapan yang ada pada SIM dan NISIR untuk sesuatu projek bersama. Dalam bidang ini SIRIM akan mencipta beberapa buah mesin pertanian kecil yang boleh digunakan untuk perusahaan agro-based bagi membantu rakyat jelata menambah hasil pertanian mereka, lebih-lebih lagi dalam masa Kerajaan sedang giat melancar dan mencapai matlamat Rancangan Buku Hijau.

Saya juga suka menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Rang Undang-undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

Saya suka menerangkan serba sedikit tentang Rang Undang-undang ini yang mana tugas-tugas SIRIM adalah pada keseluruhannya gabungan tugas-tugas SIM dan NISIR. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini dan tertubuhnya SIRIM maka perlu SIM dan NISIR dibubarkan dan Akta-akta yang berkuatkuasa sekarang ini dimansuhkan, iaitu Akta Piawai, 1966 dan Akta (Perbadanan) Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara 1971.

Di bawah Rang Undang-undang ini, suatu Majlis yang dinamakan Majlis SIRIM yang mengandungi seramai 24 orang ahli akan ditubuhkan. Majlis SIRIM bertanggungjawab terhadap dasar pengurusan hal ehwal SIRIM.

SIRIM akan mempunyai seorang Pengawal yang menjadi Ketua Pentadbir Perbadanan ini dan juga menjadi Timbalan Pengerusi Majlis SIRIM.

Oleh kerana SIRIM akan menjadi sebuah badan yang besar maka untuk melicinkan perjalanan pentadbiran adalah mustahak

tugas-tugas itu diuruskan oleh beberapa buah Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Piawai. Lain-lain jawatankuasa boleh ditubuhkan apakala difikirkan perlu kelak.

Tuan yang di-Pertua, saya tidaklah hendak memanjangkan ucapan saya kerana butir-butir lanjut boleh didapati di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada kali keduanya.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.05 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini. Walau apa pun perbadanan ini dinamakan samada SIRIM, SIM ataupun NISIR, tetapi jika sekiranya sekarang kita namakan SIRIM dan ada pegawai adalah baik. Malangnya, pegawai sahaja ada tak boleh buat apa-apa, oleh kerana ini bergantung besar sangat kepada perkakas dan alat-alat.

Dua-tiga tahun SIM telah ditubuhkan, tetapi SIM tidak dapat menjalankan kerja-kerja yang banyak, ada tugas-tugasnya tetapi tak dapat dijalankan. Bukan salah pegawai, pegawai tak salah tetapi kerana tak ada perkakas untuk test hasil-hasil yang dikeluarkan oleh kilang-kilang. Ini telah dinyatakan kepada saya daripada badan-badan yang hendak ditest barang-barangnya itu, tetapi katanya, "apa boleh buat perkakas untuk test barang itu tak ada." Jadi walau apa sekalipun dinamakan perbadanan ini, kalau tak ada wang untuk membeli perkakas dan alat-alat itu, hanya disambung kegiatan NISIR dan menggunakan perkakas itu juga, sebagaimana tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tidak ada melibatkan wang, ertinya kalau tidak melibatkan kewangan maka perkakas lama juga digunakan.

Saya dapat tahu iaitu ada dua orang pegawai tinggi dalam NISIR dan SIM ini kerana tidak ada kerja apa yang hendak

dibuat, duduk dengan menguap sahaja, maka dia tak kuasa hendak bekerja, baik pergi tempat lain. Ini perkara yang sebenarnya. Cuma yang SIM boleh buat dahulu dipanggil Timbalan Menteri Kerja Raya pergi test topi keledar, itu sahaja yang dibuat yang bagus sekali yang saya nampak. di "test" pecah atau tak pecah. Itu sahajalah yang pandai dibuat oleh SIM, yang lain itu payah. Bukan kerana salah pegawai, pegawai tak salah kerana perkakas tak ada, dengan gigi sahaja pegawai tak boleh hendak test barang-barang itu, kuatkah atau tak kuat besi atau elastik, tebal atau tak tebal, dengan gigi pegawai tak dapat buat. Jadi dengan sebab itu mestilah ada kewangan untuk membeli perkakas tadi.

Yang kedua, oleh kerana SIRIM ini ada pegawai-pegawai dan jawatankuasa, maka semua jawatankuasa itu kalau kita pergi ke Kementerian kita dapati biasanya kalau orang kampung datang hendak berjumpa atau siapa hendak pergi berjumpa pegawai, jarang-jarang dapat berjumpa, sebab mereka asik mesyuarat, mesyuarat, mesyuarat sahaja. Bila ditanya ke mana pegawai, jawabnya dia menghadiri mesyuarat. Ada sahaja mesyuaratnya dari pagi sampai ke petang, kadang-kadang sampai malam asik mesyuarat. Jadi entah apa kerjanya asik mesyuarat. Apabila ditubuhkan sebuah jawatankuasa, asik mesyuarat lagi. Jadi, bagaimana ini asik mesyuarat tak habis-habis, baik di Pejabat Daerah, di Kementerian itu, Kementerian ini asik mesyuarat. Kalau tak percaya silalah tengok tiap-tiap Kementerian, jarang-jarang pegawai itu dapat lapang untuk berjumpa dengan orang ramai.

Selain daripada itu, berkenaan dengan tugas SIRIM ini yang bagus kerjanya untuk menyiasat dan menyelidik dan sebagainya. Di sini Yang Berhormat Menteri telah menyatakan didapati perkakas baru untuk petani dan rakyat jelata mengusahakan pertanian, mungkin trektor kecil itu sesuai digunakan dalam negeri ini. Dan diharap daripada Menteri yang berkenaan supaya perkakas jentera baru itu dapat diberikan kepada bumiputra di kampung-kampung atau diberikan kepada syarikat kerjasama untuk menubuhkan kilang membuat perkakas itu supaya orang di kampung dapat membuat jentera itu untuk mereka dan boleh dijual dengan harga murah kepada petani-petani.

Berkenaan penyiasatan-penyiasatan yang akan dibuat oleh SIRIM juga pada masa akan datang oleh kerana banyak pakar-pakarnya. Saya dapati banyak barang-barang yang terbuang dalam negara kita ini terutma sekali kita nampak kalau kita pergi ke Johor iaitu nenas, apabila dikupas, tebal betul dikupas kulitnya, cuma sedikit sahaja isinya yang dimasukkan dalam tin. Kulitnya itu dibuang ke dalam sungai atau ke laut menjadi satu perkara yang merbahaya juga kepada manusia. Jikalau sekiranya dapat dan sekarang ada orang-orang Jepun telah membuat siasatan iaitu kulit nenas inipun boleh mendatangkan duit iaitu orang-orang Jepun boleh membeli di antara \$8—\$10 satu tan untuk dibuat baja yang boleh kita gunakan. Jadi barang-barang ini disiasat dan banyak lagi yang boleh disiasat barang-barang yang tidak kita gunakan. Barang-barang yang tak boleh kita gunakan boleh disiasat menjadi matawang untuk negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas penubuhan Majlis SIRIM ini atau Undang-undang ini. Saya minta kepada Menteri yang bertanggungjawab bukan sahaja orang-orang dikehendaki tetapi kewangan juga dikehendaki untuk membeli perkakas-perkakas supaya jangan nanti bila adanya Majlis ini ada kakitangannya tetapi tidak ada kerja-kerja yang boleh dibuat oleh mereka.

4.11 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Kita memandang betapa pentingnya Instituit ini di dalam masa perkembangan negara kita di dalam bidang industri. Memandang kepada tugas-tugas Instituit ini yang terkandung di dalam Fasal 4:

"4. (a) untuk meninggikan, memajukan bagi perdagangan dan perindustrian dan bagi barang-barang yang dikeluarkan dalam atau yang diimport ke dalam Malaysia samada bagi kegunaan dalam Malaysia atau bagi eksport atau eksport semula;"

Maka satu daripada tugas yang (a) ini adalah menggalakkan kepada kita dan saya nampak bahawa tugas bagi Instituit Piawai ini merupakan satu tugas yang

sangat penting di dalam mana dia hendak meninggikan dan memajukan tentang segi teknik dan perdagangan perindustrian di negara kita ini.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telahpun menerima satu daripada pengeluaran topi keledar seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi dan hanya topi-topi keledar yang mempunyai cap disahkan oleh SIM sahaja yang selamat kepada mereka itu daripada retak kalau jatuh di jalanraya, tetapi kalau sekiranya benar apa yang disebutkan oleh sahabat saya tadi bahawa pegawai-pegawai yang tidak cukup dan alat-alat di dalamnya juga tidak cukup, saya takut bahawa Instituit yang begini penting pada masa akan datang hanya akan menjadi tukang cap sahaja, tukang aku sahaja bahawa benda ini baik maka dapatlah diterima dan di sini saya khuatir pegawai-pegawai yang terhad kalau benar di dalam Instituit ini akan menyalahgunakan kuasa yang ada kepadanya sebab sesuatu yang akan dapat diterima itu melainkan dengan kelulusan daripada Instituit ini pada masa yang akan datang sama seperti kelulusan yang dibuat oleh SIM kepada topi keledar misalnya.

Kemudian tugasnya juga :

“(b) untuk memajukan kecekapan dan perkembangan perindustrian,”

Saya tidak dapat memahamkan lebih lanjut apakah ertinya “memajukan kecekapan dan perkembangan perindustrian” itu. Mungkin agaknya kecekapan dan perkembangan perindustrian itu dipandang dari sudut nilai ataupun dari sudut kekuatan daripada perkembangan perindustrian itu sendiri dan bagaimanakah Instituit ini mengambil daya utama di dalam memajukan kecekapan di dalam perkembangan perindustrian itu. Kalau sekiranya kita memandang bahawa sesuatu perindustrian itu perlu dan kecekapan-kecekapan di dalam perkembangannya juga perlu maka Instituit Piawaian ini perlulah juga mempunyai pegawai-pegawai yang cukup bagi melayakkan ataupun bagi memperakui bahawa perkembangan perindustrian itu memang patut dimajukan.

Satu hal yang patut juga saya ambil perhatian atau minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan apa yang disebutkan sebentar tadi perkembangan teknologi pertanian di dalam negara kita ini. Saya khuatir, nanti akan berlumba-lumbalah

industri-industri luar negeri ataupun agen-agen daripada luar negeri menunjukkan kepada Instituit ini atau kepada Kerajaan mengatakan bahawa jentera-jentera yang mereka keluarkan itu adalah jentera-jentera yang baik, yang tahan lasak, tahan lama dan minta supaya Instituit ini akui bahawa inilah sahaja pengeluaran yang baik, yang tahan lama. Pada akhirnya manakala dia telah diperakui bahawa dia benar elok tetapi manakala sampai ke tengah padang di mana rakyat menggunakannya ternyata dia merugikan rakyat. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya segala kelulusan yang harus dilakukan oleh Instituit Piawaian pada masa yang akan datang ini dan penyelidikan-penyelidikan perindustrian yang akan dilaksanakannya biarlah :

- (i) tidak merugikan negara kita;
- (ii) tidak hanya menguntungkan satu pihak yang mempunyai kepentingan di dalamnya; dan
- (iii) kita minta supaya pegawai-pegawai kita ini diperlengkapkan, supaya pegawai-pegawai itu jangan menyalahgunakan kuasanya oleh sebab bilangan mereka yang terlalu terhad.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini dan kita harap pelaksanaan daripada Instituit Piawaian ini akan mendatangkan faedah kepada negara kita yang sedang membangun sekarang ini.

4.18 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga sama memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang ada di hadapan kita ini.

Saya cuma hendak menyentuh satu dua perkara sahaja. Yang pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang sedar bahawa kerajaan kita ini banyak menubuhkan badan-badan, macam-macam badan. Bila ada badan, ada Pengarah, ada Timbalan Pengarah, ada pekerja. Dengan keadaan yang begini kadangkala ada merugikan duit Kerajaan kalau badan itu tak berjalan dengan sempurna. Badan NISIR dan SIM disatukan menjadi SIRIM pula sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walau macammanapun kedua-dua badan yang dahulu, iaitu NISIR dan SIM ini ada membuat usaha-usaha yang baik yang saya berikan kepujian.

Pertama sekali dia telah membuat satu usaha berhubung dengan mengeluarkan mesin-mesin dan jentera-jentera. Mesin-mesin dan jentera-jentera kecil ini sangat berguna kepada petani-petani kita dan dengan mesin ini juga kalau digunakan oleh petani kita terutama dalam zaman Kerajaan melancarkan Buku Hijau ini banyak tanaman-tanaman mereka yang terbuang tetapi dengan adanya enjin mesin-mesin ini akan memberi faedah kepada mereka. Umpamanya mereka tanam ubi seluas 50 ekar, dia boleh beli mesin untuk memproses ubi ini boleh dikeringkan dengan mudah. Dengan keadaan yang macam ini ubi yang ditanam oleh petani itu akan mendatangkan faedah dan petani negeri kita ini dengan adanya menggunakan mesin yang kecil ini menjadi seorang petani yang moden. Ini satu usaha yang baik. Begitu juga dalam hal jentera-jentera hendak mengusahakan membajak tanah kalau boleh badan ini dikeluarkan, ini satu perkara yang sangat baik, tetapi menyalurkan kepada rakyat sebab bukan semua petani sedar usaha yang baik ini.

Saya mengharapkan kepada Kerajaan, kepada Kementerian ini supaya bekerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang yang sedang sebok sekarang membuat berbagai-bagai rancangan, tetapi segala rancangan yang dibuatnya itu tak dapat diproses, tetapi dengan adanya jentera-jentera, ada mesin-mesin yang seumpama ini akan mendatangkan faedah kepada persatuan peladang dan juga kepada Kementerian ini.

Yang kedua, berhubung dengan perkara-perkara yang dikeluarkan oleh SIM dahulu iaitu ia telah membuat satu penyelidikan bahawa dedak padi itu boleh dibuat simin. Ini satu usaha yang sangat baik, tetapi setakat ini cuma ditunjuk di sini tidak berkesan kepada dedak-dedak yang membazir dalam kawasan penanaman padi kita. Kalau boleh digunakan usaha yang sangat baik ini ditaburkan dan disuruh penanam-penanam padi kita membuat usaha yang baik ini akan mendapat faedah, dedak padi yang tidak berguna itu akan jadi berguna dan menambahkan mata pencarian hidup petani kita daripada dapat hasil padi dapat juga dia hasil dedak dan kita akui bahawa papan yang dibuat daripada dedak padi ini sepatutnya bangunan-bangunan Kerajaan diutamakan dahulu bagi menggunakan bahan-bahan ini.

Selain daripada itu, saya fikir boleh dikembangkan kepada penduduk-penduduk kampung yang sedia hendak mendirikan bangunan-bangunan daripada bahan-bahan.

Itulah sahaja pandangan saya, terima kasih.

4.21 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan buah fikiran mereka itu sangatlah kita hargakan.

Bagi menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan itu, saya sukacita memaklumkan berkenaan dengan teguran-teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik bin Raja Ishak tadi iaitu perbadanan ini sangat bagus ditubuhkan tetapi kalau ditubuh apa badan sekali pun kalau sekiranya tidak ada cukup alat-alatnya, tidak akan menghasilkan cita-cita ataupun tujuan-tujuan Kerajaan. Memang kami sedar, tetapi mengikut pengetahuan saya iaitu SIM dan juga yang dahulunya NISIR ada alat-alatnya yang boleh dikatakan cukup dan cuma pengalaman kami ialah pegawai-pegawainya kurang mencukupi. Tetapi dengan sebab sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya percaya Kerajaan akan menimbang untuk memberi peruntukan wang yang lebih lagi untuk menambahkan pegawai-pegawai kerana pegawai-pegawai yang meniyasat ini memerlukan lebih ramai lagi dengan sebab masa mereka itu untuk mereka alat-alat dan sebagainya tentulah mengambil masa yang panjang. Jadi kita berharap akan mendapat wang yang lebih daripada Kerajaan untuk menambahkan pegawai-pegawai dan juga alat-alatan yang difikirkan lebih mustahak pada masa akan datang. Alat-alat kecil yang berasaskan kepada pertanian memang telah, sedang dan akan direka oleh badan yang kita tubuhkan pada hari ini dan alat-alat yang telahpun direka telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang kecil tetapi tidaklah begitu memuaskan lagi pada masa yang lepas. Kita berharap pada masa akan datang banyak lagi syarikat-syarikat ataupun firma kilang-kilang yang sanggup mengeluarkan alat-alat yang direka oleh perbadanan ini.

Bagi maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara saya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memberitahu kepada saya bahawa dua syarikat

telah diluluskan untuk mengeluarkan soft board daripada sekam padi, bukan dedak, satu ialah di Banting, Selangor dan satu lagi SEDC di Alor Setar, Kedah. Juga daripada sekim padi ini, badan yang dahulunya NISIR telah membuat kajian boleh juga membuat simin dan simin ini boleh dijadikan dinding ataupun tembok rumah tetapi belum dapat lagi dibuat rumah yang betul, tapak rumah dan sebagainya. Kajian seterusnya akan dilanjutkan untuk menguatkan lagi simin ini supaya dapat kita membina bangunan-bangunan yang agak tinggi dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Haji Othman bin Abdullah menyatakan berkenaan dengan perkembangan perindustrian iaitu kecekapan bagaimana instituit ini mengambil daya usaha untuk memperluaskan dalam bidang perusahaan dan sebagainya. Memang perbadanan ini ada pegawai-pegawai yang sentiasa berhubung dengan pihak perindustrian baik perindustrian kecil atau perindustrian besar dan juga pihak swasta sentiasa berhubung dan meminta nasihat dan juga pengesyoran kepada perbadanan yang telah ada iaitu NISIR dan apabila kita menubuhkan perbadanan baharu SIRIM maka sentiasalah pihak swasta dan pihak perbadanan ini akan berhubung rapat supaya dapat mengeluarkan alat-alat dan juga jentera-jentera kecil untuk kegunaan terutama petani-petani kita.

Perkembangan teknologi peraturan ini memang sentiasa digalakkan dan pihak perbadanan ini akan menerima apa-apa sahaja pengesyoran daripada orang ramai terutama daripada petani-petani supaya dapat perbadanan ini menolong mereka untuk mengadakan jentera-jentera yang difikirkan perlu bagi kegunaan di sawah ataupun untuk pekebun-pekebun kecil. Kita bersetuju dengan pengesyoran Ahli Yang Berhormat itu bahawa perbadanan ini patut ada wang yang lebih bagi menjalankan kajian-kajian dan untuk mengadakan pegawai-pegawai yang bertambah untuk kegunaan pada masa akan datang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Instituit Piawaian ini mengesyorkan hendak membuat kilang yang bersesuaian dengan pertanian atau dia menerima pengesyoran daripada orang ramai supaya ini bentuknya yang patut diterima oleh instituit ini dan instituit ini terima kemudian dijualkan atau dia sendiri

mengesyorkan, membuat penyelidikan bagaimana jentera yang sesuai bagi perkembangan perindustrian kita atau bagaimana?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dua bahagian di dalam SIRIM yang akan ditubuhkan iaitu satu bahagian yang dinamakan piawaian dengan mengadakan mutu (standard) bagi satu-satu barang pengeluaran dan yang kedua ialah pihak yang membuat kajian untuk mereka jentera-jentera kecil ataupun jentera pertengahan. Jentera-jentera kalau difikirkan pengesyoran daripada orang kampung misalnya, katalah pemotong ubi kayu jikalau digunakan tangan, tenaga manusia, mengambil masa yang panjang dan ini tidak menguntungkan, jadi pihak yang pada masa dahulu dipanggil NISIR telah mereka satu alat jentera dengan menggunakan kuasa letrik ataupun kuasa bateri boleh mempercepatkan memotong dan menjadikan debu ubi kayu itu. Perbadanan ini akan mereka, kemudian akan diberitahu kepada umum bahawa siapa-siapa yang suka hendak mengambil bahagian untuk mengeluarkan jentera semacam ini, bolehlah meminta specification daripada perbadanan ini. Perbadanan SEDC misalnya ataupun Lembaga Persatuan Peladang memikirkan patut persatuan ini membuat jentera itu, maka pihak perbadanan yang dahulunya dipanggil NISIR akan memberi nasihat dan tunjukajar kepada persatuan ini supaya boleh mengeluarkan alat-alat itu.

Bahagian Piawaian pula, umpamanya topi keledar itu dikaji (test) oleh Badan Piawaian (Standard Institute of Malaysia). Jadi, kalau kuat barang itu maka diberi tanda dan disahkan bahawasanya barang itu kalau dibeli adalah selamat dan sebagainya.

Begitu juga alatan-alatan yang lain seperti kipas, bateri dan sebagainya, pihak pengusaha akan menghantarkan barang-barang pengeluaran mereka kepada badan piawaian ini untuk dikaji dan ditest. Apabila diakui maka barang-barang itu diberi tanda (mark) dan dijual di pasar bahkan dihantar keluar negeri untuk dijual—untuk pasaran luar negeri. Mana-mana barang keluaran yang ada tanda SIM tadi adalah diakui oleh antarabangsa, bermakna mutunya adalah bagus dan seimbang dengan mutu-mutu barang pengeluaran negara-negara yang telah diakui oleh Standard Institute masing-masing.

Berkenaan dengan kemusykilan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan alat-alat yang datang daripada luar negeri untuk dijual kepada pengguna-pengguna dalam negara kita dengan akuan SIM ini takut disalahgunakan kuasa itu, saya suka memaklumkan bahawasanya sesuatu barang pengeluaran samada dalam negeri ataupun luar negeri dihantar kepada Standard Institute Malaysia untuk dikaji dan ditest dengan sehalus-halusnya sebelum diberi tanda SIM tadi. Kita ada pakar-pakarnya dan kita percaya pakar-pakar ini adalah mereka yang bekerja dengan penuh didikasi dan ikhlas dan sudah tentu barang-barang yang diakui itu adalah barang-barang yang ada mutunya. Tetapi sayugia diingatkan bahawa barang-barang pengeluaran daripada kilang-kilang ini bukan semuanya dihantar kepada pihak badan Piawaian ini, kerana kita tidak ada undang-undang memaksakan satu-satu pengusaha itu menghantar segala barang pengeluarannya kepada badan piawaian tadi. Tetapi mengikut amalannya terutama kilang-kilang yang besar sentiasa menghantar barang-barang perusahaan mereka supaya dapat akuan daripada SIM kerana barang pengeluaran yang ada tanda SIM ini adalah menerima pasaran yang baik dalam negeri ataupun luar negeri. Sekianlah penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 50 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDASTRIAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.56 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk menyelaras dan memajukan dengan teratur aktiviti-aktiviti pengilangan di Malaysia dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 ini ialah untuk mengadakan undang-undang yang menyeluruh bagi mengawal dan mengawasi penubuhan industri-industri pengilangan di negara ini supaya kemajuan perindustrian di negara kita dapat berjalan dengan secara teratur. Undang-undang ini amatlah penting kerana ianya dapat membantu perlaksanaan dasar, perindustrian Kerajaan memastikan kemajuan serta perkembangan perindustrian yang teratur dan mengawasi supaya perkembangan di bidang perindustrian akan berjalan dengan tersusun dan juga untuk mengawasi ataupun mengawali, menjaga kedudukan kilang-kilang perindustrian yang ada sekarang ini supaya tidak ditandingi dengan cara tidak sihat oleh projek-projek perindustrian yang masih banyak lagi bergerak tanpa kelulusan undang-undang.

Setakat yang saya tahu cuma 10% sahaja daripada kilang-kilang perindustrian yang bergerak sekarang ini adalah kilang-kilang perindustrian yang telah dibina, telah dikendalikan di bawah kuatkuasa undang-undang Akta Galakan Pelaburan, 1968 dan 90% daripada kilang-kilang yang lain adalah kilang-kilang yang berjalan semenjak dibina dengan tidak dikenakan apa-apa kuatkuasa undang-undang. Perkara ini adalah perlu dikaji, perlu diadakan undang-undang dalam mana kilang-kilang yang bergerak pada masa ini, seperti saya kata tadi bergerak tanpa kuatkuasa undang-undang yang berjumlah tidak kurang daripada 90% ini dapat dikawali ataupun

diawasi dengan undang-undang ataupun dengan peraturan-peraturan undang-undang supaya kilang-kilang ini dapat diselaraskan dengan matlamat-matlamat kita iaitu:

- (1) mengadakan perkembangan perindustrian di dalam negara ini dengan secara teratur;
- (2) supaya perjalanan kilang-kilang ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru kita.

Selain dari itu juga perlulah kita mengadakan satu undang-undang dalam mana peraturan-peraturan, fasal-fasal di bawah undang-undang itu dapat mengawasi perjalanan kilang-kilang yang lain yang masih lagi di dalam pertimbangan dan diluluskan untuk bergerak pada masa akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pengilangan mempunyai peranan yang sangat penting di dalam usaha kita untuk mencapai matlamat-matlamat negara di bawah Dasar Ekonomi Baru. Maka itulah sebabnya Kerajaan perlu mengadakan undang-undang yang dapat memastikan supaya kemajuan perindustrian di negara ini dapat berjalan dengan teratur dan di selaraskan juga memestikan bahawa usaha Kerajaan hendak menggalakkan projek-projek perindustrian di seleralakkan ke kawasan-kawasan yang kurang membangun di dalam negara ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kepentingan jangka panjang pula negara kita perlulah menentukan adanya perkembangan sektor pengilangan yang teratur oleh kerana ini akan menjadi satu galakkan kepada pengilang-pengilang baru untuk menubuhkan projek-projek mereka di Malaysia. Kerajaan perlulah memestikan iaitu tidak terdapat terlalu banyak umpamanya firma-firma di dalam satu-satu bidang perindustrian yang hanya mengujudkan keadaan dalam mana firma-firma ataupun kilang-kilang yang mengeluarkan satu-satu pengeluaran pengilangan akan bertentangan, berasingan antara satu dengan lain dengan kesudahannya pihak-pihak pengilang ini menderita kerugian yang pula akan membawa kerugian kepada negara. Ini bertujuan, sebagaimana saya katakan tadi supaya tidak ada persaingan yang tidak sihat di antara kilang-kilang yang berada di dalam negara ini. Ini bermakna dari segi ekonominya faktor-faktor pengeluaran dalam industri tidak digunakan dengan cekap dan berkesan

kalau sekiranya ada persaingan seperti yang saya sebutkan tadi. Dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian ini, saya percaya persaingan yang tidak sihat ini akan dapat dijauhkan dan sebaliknya memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur untuk melaksanakan projek mereka apabila sudah dapat dipastikan keuntungan projek-projek mereka itu.

Selain daripada itu, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi di dalam perbincangan berkaitan dengan Undang-undang yang baru sahaja diluluskan ada kenyataan kebimbangan di setengah-setengah pihak bahawa pembinaan kilang-kilang di merata ceruk-rantau negara dengan tidak ada kawalan akan pula membangkitkan kemungkinan keadaan yang membimbangkan seperti pollution yang saya sendiri telah mendengar berlaku di setengah-setengah tempat di mana kilang-kilang yang dibina itu tidak dikenakan syarat-syarat yang tertentu yang ketat untuk mengawasi supaya discharge barang-barang kotor yang keluar daripada kilang-kilang ini tidak disalurkan ke sungai-sungai, ke tempat-tempat di mana barang-barang kotor ini tidak sepatutnya disalurkan menyebabkan umpamanya sebagaimana yang saya telah dimaklumkan kematian ikan-ikan dan akhirnya kalau tidak diawasi juga akan menjadi merbahaya kepada banyak bilangan manusia yang kami tahu adalah masih lagi banyak menggunakan air sungai untuk minuman dan untuk lain-lain keperluan hidup.

Akta Penyelarasan Perindustrian ini bolehlah membolehkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya apabila mengeluarkan lesen yang perlu diambil di bawah Undang-undang ini mengenakan pula syarat-syarat dalam mana boleh dikenakan arahan supaya kilang-kilang yang berkenaan itu yang membina mengeluarkan barang-barang pengeluaran daripada kilang-kilang yang berkenaan itu mematuhi syarat-syarat yang ketat tentang menjaga supaya jangan barang-barang yang kotor yang keluar daripada kilang ini disalurkan kepada air di dalam sungai dan di tempat-tempat lain juga yang mungkin boleh jadi merbahaya kepada penduduk-penduduk di sekitar kilang tersebut.

Akta ini juga akan dapat membantu Kerajaan bagi mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat mengenai perindustrian yang sangat-sangat berguna bagi perancangan

ekonomi negara amnya selain daripada perumahan dasar-dasar mengenai kemajuan perindustrian untuk memastikan perkembangan yang berterusan secara teratur di dalam sektor perindustrian. Buat masa ini cuma bagi pengilang yang mendapat galakan yang saya katakan tadi adalah dikenakan kawalan di bawah kuatkuasa Undang-undang Galakan (Incentives Act, 1969) sahaja yang boleh diminta memberi laporan, maklumat-maklumat yang saya katakan tadi penting bagi kita mengetahuinya. Bagi pengilang-pengilang yang tidak mendapat apa-apa galakan daripada Kerajaan buat masa ini, Kerajaan tidak ada hak di bawah mana-mana kuatkuasa Undang-undang ataupun peraturan mendapatkan maklumat-maklumat daripada mereka.

Akta ini juga akan dapat mengatasi beberapa kelemahan di dalam peraturan-peraturan sekarang ini berhubung dengan pengawasan ke atas pengilang-pengilang. Setakat ini Kerajaan cuma dapat mengawasi para pengilang yang saya katakan tadi mendapat berbagai galakan (incentives) di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 dan juga pengilang-pengilang yang secara sukarela memohon mendapat kelulusan rasmi daripada Kerajaan berikutan dengan pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada bulan Julai, 1969, supaya semua projek-projek pengilang samada yang memerlukan galakan ataupun tidak mestilah mendapat kelulusan daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Persetujuan mereka mengenai maklumat ini adalah dari segi sukarela dengan tidak berlandaskan kepada mana-mana kuatkuasa undang-undang ataupun peraturan-peraturan.

Bagi projek-projek yang mendapat galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968, bolehlah dikenakan ke atasnya berbagai-bagai syarat dan kegagalan di dalam mematuhi sebarang syarat-syarat itu boleh diambil tindakan dengan berasaskan peruntukan undang-undang tersebut, tetapi bagi projek-projek yang tidak mendapat sebarang galakan sungguhpun dikenakan syarat-syarat yang sama ke atas mereka Kerajaan tidak ada asas undang-undang bagi mengambil tindakan ke atasnya jika ianya tidak mematuhi ataupun mengikut syarat-syarat yang telah dikenakan itu. Lagipun apabila tempoh pengecualian cukai

di bawah Undang-undang Galakan Pelaburan, 1968, itu tamat maka tidaklah seterusnya Kerajaan dapat mengenakan kawalan kepada kilang-kilang tersebut malahan Kerajaan tidak boleh memaksa meminta mereka memberi apa sahaja laporan, maklumat-maklumat yang perlu diperolehi daripada kilang-kilang yang berkenaan itu. Dalam keadaan ini Kerajaan hanya boleh mengambil tindakan melalui langkah-langkah pentadbiran yang tidak begitu ketat, tekanan dari segi hasil. Oleh itu terpaksa lah Kerajaan mengadakan Undang-undang dalam mana mengikut Undang-undang yang telah dibentangkan ini peraturan-peraturan boleh dibuat oleh Kerajaan menerusi pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya syarat-syarat ketat itu dijalankan kuatkuasanya membolehkan kita mengenakan syarat-syarat kepada kilang-kilang yang perlu dikenakan syarat-syarat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Kerajaan mempunyai kawalan yang terhad terhadap sektor pengilangan, oleh kerana syarikat-syarikat yang menikmati galakan-galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 sebagaimana yang telah saya jelaskan dan saya suka jelaskan sekali lagi bahawa bilangan kilang-kilang yang boleh dikenakan kawalan ini hanyalah berjumlah 10% sahaja dan 90% lagi adalah terlepas daripada kawalan undang-undang ataupun peraturan-peraturan di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya nyatakan bahawa Akta ini adalah merupakan satu approach yang sistematik, yang menyeluruh dan diselaraskan di dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dan memastikan kemajuan yang teratur di dalam sektor pengilangan dengan cara mellesen kesemua kegiatan-kegiatan pengilangan melainkan yang dikecualikan oleh Menteri.

Akta ini merupakan keluasan ataupun extension yang sewajarnya kepada Undang-undang yang sedia ada berhubung dengan perlesenan, kegiatan-kegiatan perkilangan di dalam beberapa industri yang tertentu, umpamanya lesen bagi perusahaan-perusahaan kilang papan atau veneer adalah dikeluarkan di bawah Peraturan Hutan Negeri (State Forest Rules), sementara perlesenan ke atas industri minyak ataupun

petroliam dan petro-chemical dibuat di bawah Akta Kemajuan Petroliam, 1974. Begitu juga dengan lesen bagi pengilangan nenas yang dikeluarkan daripada Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia di bawah Pineapple Ordinance, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah di sini memberi jaminan bahawa di dalam melaksanakan Akta ini bukanlah niat, tujuan Kerajaan hendak menyusahkan para pengilang yang telah ujud sebelum berjalannya Akta ini, kerana Kementerian saya akan memastikan bahawa pengilang-pengilang akan memastikan bahawa pengilang-pengilang yang telah ujud sebelum berjalannya Akta ini akan diberi lesen untuk mengesahkan kegiatan-kegiatan mereka itu di bawah peruntukan Akta ini.

Kerajaan juga tidak berniat untuk menyusahkan pengilang-pengilang kecil, kerana pengilang-pengilang yang akan dikenakan pelesenan di bawah Akta ini adalah ditentukan mengikut bilangan pekerja-pekerja yang diambil ataupun mengikut jumlah kos perbelanjaan sesuatu projek itu. Di dalam hubungan ini, saya sukalah menyatakan di sini iaitu pengilang-pengilang yang mempunyai pekerja-pekerja sepenuh masa yang kurang daripada 25 orang ataupun kos projeknya kurang daripada \$100,000 bolehlah dikecualikan daripada Akta ini. Walau bagaimanapun, Menteri Perdagangan dan Perindustrian boleh mengubahsuaikan syarat-syarat bagi memberi pengecualian cukai mengikut yang mana difikirkannya sesuai dari masa ke semasa. Di dalam Undang-undang ini ada satu fasal dalam mana Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan kalau difikirkan perlu, mustahak satu-satu kilang itu diberi pengecualian daripada Kuatkuasa Undang-undang ini diberi pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan tentang peruntukan-peruntukan penting di dalam Akta ini yang pada asasnya memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk melesen kegiatan-kegiatan perkilangan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini menjelaskan bahawa tidak sesiapa pun dibenarkan menjalankan kegiatan pengilangan bagi sebarang keluaran melainkan ianya telah diberi lesen untuk menjalankan kegiatan tersebut. Fasal ini juga mengadakan hukuman dengan cara mengenakan denda ataupun

penjara jika sekiranya satu-satu pihak melanggar peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. Pengilang-pengilang yang sedia ada adalah diberi tempoh di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang ini untuk membuat permohonan bagi mendapatkan lesen iaitu tempohnya ditetapkan setahun. Dalam masa setahun kilang-kilang yang sedang bergerak sekarang ini adalah dikehendaki membuat permohonan untuk lesen dan kalau sekiranya tidak ada perkara-perkara pelanggaran satu-satu syarat penting pemberian lesen kepada kilang-kilang ini adalah dibuat dengan secara otomatis.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang ini Menteri Perdagangan dan Perindustrian diberi kuasa budi-bicara untuk membatalkan lesen kepada mereka yang tidak mematuhi peruntukan dalam Fasal 19 (1), terutamanya mereka yang tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dikenakan itu. Rang Undang-undang ini tidak bercanggah dengan lain-lain Rang Undang-undang yang ada oleh kerana Fasal 8 Rang Undang-undang ini menyebutkan bahawa pengilang-pengilang yang telah diberi lesen oleh Menteri adalah masih dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam lain-lain Undang-undang yang berkaitan dengan kegiatan pengilangan mengikut lesen-lesen yang telah dikeluarkan.

Sungguhpun Fasal 10 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri untuk meminta pengilang-pengilang memberikan butir-butir dan maklumat-maklumat yang berkaitan beliau tidak seharusnya meminta maklumat-maklumat yang berhubung dengan proses-proses pengilangan yang dianggap sebagai rahsia oleh pihak pengilang-pengilang. Peruntukan yang penting di dalam Rang Undang-undang ini ialah Fasal 11 yang mana memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan sebarang kegiatan pengilangan daripada kesemua ataupun sebarang peruntukan Rang Undang-undang yang dicadangkan itu. Oleh kerana Kerajaan pada peringkat awalnya bercadang menumpukan perhatiannya kepada kilang-kilang yang besar dan juga untuk mengelakkan kesusahan kepada pengilang-pengilang kecil, pengilang-pengilang yang mempunyai kurang daripada 25 orang pekerja tetap sepenuh masa atau projek-projek yang kosnya kurang daripada \$100,000 adalah

dikecualikan daripada semua peruntukan-peruntukan di dalam Undang-undang yang dicadangkan ini. Kerajaan juga pasti akan mengkaji semula syarat-syarat pengecualian ini apabila sahaja difikirkan mustahak ataupun perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.18 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada zahirnya Rang Undang-undang ini nampaknya ringkas, tetapi intisarinya dan implikasinya adalah besar dan penuh bermakna. Saya tidak tahu kenapa Kerajaan tidak membawa Rang Undang-undang ini lima tahun dahulu iaitu pada tahun 1971 yang mana kita mula menjalankan Dasar Ekonomi Baru. Barangkali ada sebab-sebabnya tetapi syukurilah kerana sekarang Kerajaan telah membawa ke meja ini Rang Undang-undang yang akan mengawal, menyelaraskan dan memajukan dengan teratur aktiviti-aktiviti pengeluaran di negara kita.

Seperti Yang Berhormat Menteri katakan sebentar tadi hanya 10% sahaja aktiviti-aktiviti pengeluaran yang teratur iaitu mengikut Undang-undang Investment Incentives Act, 1969, yang lainnya itu nampaknya boleh berkembang dengan mengikut suka hati sendiri. Jadi dengan adanya Undang-undang ini dapatlah Kerajaan mengatur apakah jenis perkilangan yang patut digalakkan, apakah jenis industri yang patut dijalankan perlahan-lahan sedikit. Tetapi pada saya implikasinya yang besar sekali di bawah Rang Undang-undang ini ialah bagi pihak Kerajaan dapat menentukan bagaimana kita boleh mengatur satu-satu industri itu, mengatur mengikut Dasar Ekonomi Baru, mengatur bagaimana umpamanya dari segi modal sesuatu industri itu yang patut dimiliki oleh warganegara, dimiliki oleh sesuatu jenis kaum, begitu juga dengan pekerja-pekerjanya yang mana Kerajaan dapat, rasa saya, di bawah Rang Undang-undang ini mengatur, menetapkan syarat-syarat yang tertentu kepada tiap-tiap industri supaya mereka itu mematuhi Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Itulah sebabnya saya tanya tadi mengapa Rang Undang-undang ini tidak dikemukakan

5 tahun dahulu, tetapi syukurilah kita bersama-sama kerana sekarang ini kita telah dapat mengadakan satu Rang Undang-undang yang saya rasa boleh membantu dengan pesatnya lagi kemajuan Dasar Ekonomi Baru.

Tafsiran di bawah Fasal 2, kalau kita pandang kepada tafsiran itu apa yang dimaksudkan dengan “aktiviti pengilangan,” maka itu sememangnya luas kerana aktiviti pengilangan itu telah difafsirkkan “membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain mengawit atau mensesuaikan apa-apa barang atau benda memandangkan kepada penggunaan, penjualan, pengangkutan, penyerahan atau pelupusannya dan termasuklah memasang bahagian-bahagian dan membaiki kapal tetapi tidak termasuk apa-apa aktiviti yang biasanya berkaitan dengan perdagangan jualan atau jualanborong”. Jadi bagi saya ini sangatlah luas. Kalau kita ketepikan sahaja perkataan “jualan” atau “jualanborong” yang mana kita sendiri tahu apa maknanya, aktiviti pengilangan ini boleh dikatakan termasuk serba-serbi. Kalau kita ambil umpamanya orang hendak membuat kicap itupun agak saya boleh kita tafsirkan di bawah tafsiran ini atau boleh dikenakan dengan tafsiran “aktiviti pengilangan”. Kalau orang hendak membuat kasut, itu pun terkena juga, kalau umpamanya orang hendak membaiki motor pun begitu juga. Jadi barangkali sukar kita hendak mencari satu industri yang tidak terikat kepada tafsiran “aktiviti pengilangan” ataupun “manufacturing activity”. Saya sedar ada peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini yang membenarkan Menteri mengecualikan seperti yang diperakui oleh Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini iaitu di bawah Fasal 11 yang berbunyi:

“11. Menteri boleh dengan perintah mengecualikan sesuatu aktiviti pengilangan daripada semua atau mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Akta ini.”

Sungguhpun ahli-ahli yang telah menjalankan aktiviti perdagangan ada masa satu tahun di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang ini bagi mendapatkan lesen tetapi saya rasa ada baiknya jika pihak Kerajaan menentukan daripada sekarang apakah jenis aktiviti pengilangan yang hendak dikecualikan supaya ini tidak menjadi kesusahan kepada orang-orang yang sedang menjalankan aktiviti

pengilangan. Barangkali senarai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi mungkin itu tidak penuh. Dari semasa ke semasa bila timbul kesusahan mungkin satu perintah boleh dibuat oleh Menteri di bawah peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini. Eloklah perintah itu dibuat lebih awal supaya mereka yang sedang menjalankan aktiviti pengilangan tidak mendapat kesusahan.

Saya sedar juga bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini menerusi lesen-lesen yang akan dikenakan maka Kerajaan akan dapat wang yang lebih menerusi revenue tetapi sebaliknya terpaksa pula juga Kerajaan mengawasi supaya bila menguatkuasakan Undang-undang ini Kerajaan mempunyai kakitangan yang cukup, kerana inilah yang biasanya menyusahkan bukan sahaja ahli-ahli pengilangan tetapi juga orang ramai. Sudah tentu bila kita hendak menguatkuasakan Undang-undang seperti ini kita memerlukan banyak tenaga yang bijak dan bertimbangrasa dan di sinilah saya harap Kerajaan memandang berat sedikit, kalau tidak maksud Undang-undang ini tidak akan tercapai.

Satu tujuan besar di bawah Rang Undang-undang ini ialah hendak mengutip data-data ataupun maklumat-maklumat mengenai perindustrian. Kalau tak salah saya sekarang ini cuma ada kutipan secara tidak langsung sahaja iaitu menerusi Jabatan Statistik kerana pegawai-pegawai statistik ada menghantar borang-borang kepada beberapa badan yang berdaftar samada di bawah Akta Syarikat ataupun di bawah Ordinan Perniagaan tetapi statistik yang dikumpulkan itu mungkin tidak lengkap. Jadi dengan adanya Undang-undang yang semacam ini maka dapatlah Kementerian dan Kerajaan mengumpulkan satu statistik ataupun angka-angka yang perlu supaya senang Kerajaan membuat perangkaan dan juga untuk mengkaji perkembangan industri pada masa hadapan.

Saya suka mengesyorkan supaya maklumat atau statistik yang dikumpulkan atau data-data yang dikumpulkan itu patut dikumpulkan secara moden iaitu kita patut menggunakan komputer supaya senang bila kita hendak mengetahui balik data-data itu kita boleh mendapatinya dengan senang, tetapi kalau mengikut cara yang ada sekarang ini kebanyakan statistik itu tidak dikumpulkan dengan cara moden tetapi secara bertulis

tangan. Bila kita hendak panggil balik statistik itu, menyemak balik statistik itu ataupun angka-angka itu terpaksa mengambil masa dan ini saya rasa akan melambatkan satu-satu rancangan yang Kerajaan hendak buat. Itulah sedikit-sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya dengan sukacitanya menyokong.

5.30 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersungguh-sungguh betul menyokong Rang Undang-undang ini. Saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana sepertimana rakan saya telah menyatakan tadi bukan 5 tahun, tetapi masa kita mencapai kemerdekaan dahulu jangkanya Rang Undang-undang ini hendaklah dijalankan, tetapi ini belumlah lagi terlewat dan dengan sebab itu saya sokong dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita adalah negeri yang baru dan hendak maju terutama sekali dalam perindustrian. Di dalam perindustrian ini bagaimana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan cuma 10% sahaja kilang-kilang yang didaftarkan, tetapi yang 90% tidak didaftarkan dan kita tak tahu apa mereka buat. Kadang-kadang ada yang buat senjata pun kita tak tahu, bagaimana pada hari ini kita ada menentang pegganas-pegganas komunis dan boleh jadi kilang-kilang ini mereka buat yang baru-baru ini kita dengar melancarkan roket hendak tembak ke beberapa tempat askar, ini saya percaya tentu dibuat di satu-satu kilang yang kita tak tahu, tentu datangnya daripada kilang-kilang yang macam 90% tadi. Dengan sebab itu saya fikir mestilah perkara ini dikawal oleh Kerajaan.

Perkara yang penting sekali, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri ialah mengenai Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru ini oleh kerana terutama sekali bumiputra di dalam dunia perniagaan perusahaan, iaitu dalam perindustrian. Di dalam Dasar Ekonomi Baru ini menyatakan sekurang-kurangnya 30% daripada kekayaan negara ini, ekonomi negeri ini di dalam tempoh 14 tahun yang akan datang, sebab apa saya katakan 14 tahun akan datang, 6 tahun sudah habis berjalan, tinggal lagi 14 tahun sahaja. Di dalam masa 14 tahun yang akan datang kita hendaklah mencapai 30%

dalam perusahaan bumiputra negara ini. Ini tidak bermakna kita hendak merampas hak orang lain, warganegara yang lain sebab ini telah dibahagi-bahagikan 40% kepada warganegara yang ada di sini dalam perindustrian dan lain-lain dan 30% kepada orang asing. Ini sudah diperbahagikan di dalam Dasar Ekonomi Baru negeri kita ini, dengan sebab itu bagi menuju dasar ini di dalam dunia perniagaan dan perusahaan, terutama sekali di dalam perindustrian yang mana Yang Berhormat sekarang menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian, maka hendaklah ditengok di atas perkara ini iaitu bumiputra dan orang Malaysia keseluruhannya. Saya melawan untuk orang Malaysia oleh kerana orang Malaysia adalah orang kita juga, bumiputra adalah orang-orang macam saya ini, hitam manis, kuning, kerana orang-orang asing yang datang ke negeri ini buat industri hendak mencari duit, walau apa jadi sekalipun dapat duit balik ke negeri dia.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tahu iaitu banyak kilang-kilang asing yang dahulunya pemodal-pemodal asing, sekarang telah dapat, katanya: Baiklah, 49% aku, 51% engkau. Tetapi controlling powernya adalah mereka sebab kita berpecah-belah, syer \$100; syer \$200; syer 1,000; controlling powernya adalah mereka, dijadikanlah bumiputra sebagai perkakas, ada yang berpangkat Tan Sri, ada yang berpangkat Datuk macam saya ini (*Ketawa*) menjadi perkakas untuk menekan terutama sekali bumiputra yang lain. Kalau misalnya bumiputra itu betul-betul dengan modalnya menjalankan perindustrian dia sendiri, orang-orang itu oleh kerana ada hak istimewanya itu akan ditekan habis, dimatikan oleh kerana modal besar akan menjahanamkan modal yang kecil. Itu adalah di mana-mana berlaku dunia yang bebas macam kita ini dikatakan negeri yang demokrasi memang begitulah. Kalau begitu gayanya, Dasar Ekonomi Baru ini tak dapat dijalankan. Apa yang saya sebutkan ini telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, Ini bukanlah angan-angan atau di atas-atas kayangan sahaja, tetapi ini telah berlaku di negeri kita ini, sebab itulah saya mengatakan di sini Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian mesti menengokkan di atas perkara ini memelihara (protection) kepada bumiputra yang betul-betul masuk dalam dunia perdagangan dan perusahaan, ter-

utama sekali industri, kalau tak begitu tak boleh jadi. Disuruh bumiputra masuk dalam dunia perdagangan dan perusahaan: Eh! bumiputra, kata Mungkarnangkir, Masuklah engkau dalam dunia perdagangan dan perindustrian, api itu tak panas, terjun. Oleh sebab orang Melayu, bumiputra tak berani terjun dalam api, tak berani venture, maka dengan sebab itu kita hidup dalam keadaan miskin, hina dan sebagainya. Bumiputra yang difikirkan: Baiklah, aku cuba masuk, tetapi ada baju protection api jadi tidak diberi, terjun ke dalam dan terbakar, minta tolong tak beri pertolongan. Kalau begini gayanya, bumiputra tak percaya di atas Dasar Ekonomi Baru ini.

Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri walau apa pun dasar, apa usul, apa undang-undang yang hendak dibuat Dasar Ekonomi Baru yang mana baru diperbaharukan lagi, maka hak istimewa orang Melayu yang ada dalam Perlembagaan ini bukan hendak apa—tidak, dalam Perlembagaan itu mestilah dijaga betul-betul. Biar saya menjadi manusia satu hari daripada menjadi hamba 1,000 tahun, sebab bangsa Melayu sudah menjadi hamba 400 tahun lamanya, tetapi selepas merdeka 20 tahun saya hendak menjadi tuan satu hari. Jangan kita dijadikan perkakas selama-lamanya. Sudah lama sangat telah menjadi perkakas dan sambil itu hak orang Melayu mesti juga dijaga. daripada Australia, baikpun daripada England, baikpun daripada Amerika, baikpun daripada Jepun, baikpun daripada Taiwan dipermain-mainkan kita orang Malaysia dengan modal yang banyak tadi. Berapa banyak yang jahanam kilang-kilang orang Malaysia pada hari ini kerana tak boleh bertanding (compete), tak boleh berasing dengan dia, maka mereka terpaksa menjual dengan harga satu saham dahulu \$1 dijual 20 sen, kalau tidak langsung tak boleh dijalankan kilang ini. Perkara ini mestilah ditengokkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Selain daripada itu, mengenai persaingan. Berkenaan dengan persaingan ini saya ada berjumpa dengan Menteri-menteri yang mengatakan kalau orang Melayu tidak berani berasingan memang tidak boleh, negeri kita negeri demokrasi. Berulang kali ini juga yang kita dengar, tetapi saya harap kedengaran ini ataupun cakap-cakap ini mestilah pada hari akan datang diawasi betul-betul, kerana perkara ini air mata

darah sekalipun orang Melayu atau bumiputra keluarkan, kalau inilah cakapan, kalau hendak bersaing, orang Melayu tidak akan maju.

Oleh kerana Dasar Ekonomi Baru yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, maka dengan sebab itulah kita mengadakan UDA dan PERNAS. Oleh kerana bumiputra adalah 1,000 batu di belakang, maka diadakan UDA dan PERNAS dan perbadanan-perbadanan yang lain seperti PKNS, di Selangor dan lain-lain. Dahulu dikatakan orang Melayu Ali-Baba dengan orang lain, tetapi pada hari ini ada perbadanan-perbadanan ini yang berAli-Baba dengan orang lain. Kalau perbadanan berAli-Baba, tidak ada siapa yang hendak cakap. Kalau orang Melayu berAli-Baba, seluruh dunia gempar. Orang Melayu berAli-Baba ada juga maknanya oleh kerana dia tidak ada duit. Dari dahulu orang Putih memang tidak mahu orang Melayu maju dalam dunia perniagaan dan perindustrian. Kalau orang Melayu dan bumiputra ini berAli-Baba tidak salah, tetapi perbadanan yang kaya-roya dikuda oleh orang lain! Ini patutkah? Tujuan perbadanan UDA dan PERNAS ini untuk menolong orang Melayu. Itulah sebabnya pada satu masa dahulu saya baca dalam suratkhbar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, mengatakan dasar perbadanan UDA dan PERNAS ini menyeleweng. Dasarnya betul. Kerajaan buat dasarnya itu betul. Tetapi ada setengah-setengah daripada pegawai-pegawai yang menjalankan dasar itu tidak betul. Kontrektor Melayu hendak simin, katanya tidak ada simin. PERNAS pun menjadi kontrektor juga, mana ada simin? Dia berlawan balik! Dia pun buat rumah batu bertingkat, bagaimana hendak supply besi? Bagaimanakah keadaannya? Inikah Dasar Ekonomi Baru? Bagaimana orang Melayu dan bumiputra hendak maju? Kalau hendak bercakap panjang tentang Dasar Ekonomi Baru, saya boleh bercakap barangkali hampir satu jam lagi. Tetapi oleh kerana memendekkan sahaja, barangkali Yang Berhormat Menteri faham apa yang ada di dalam dada saya ini, tidak perlulah saya cakap kerana Yang Berhormat Menteri tahu iaitu bagaimana keadaan bumiputra di dalam dunia perniagaan dan perindustrian, terutama industri. Oleh itu, pada masa yang akan datang yang 90 peratus lagi kilang-kilang yang belum didaftarkan baikpun siapa punya

untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini mestilah diperhatikan kerjasama di antara bumiputra dan lain-lain, sebab di Kuala Lumpur ini tanah bumiputra cuma ada satu peratus sahaja. Itulah sebabnya setinggi-setinggi banyak.

Saya tidak salahkan setinggi, kerana di mana mereka hendak duduk, cuma satu peratus sahaja tanah orang Melayu atau bumiputra. Jadi, saya katakan begini oleh kerana perindustrian yang diusahakan oleh UDA/PERNAS pada masa akan datang, saya tidak hendak tengok bagaimana yang dibuat oleh UDA pada hari ini, Century Hotel yang oleh orang lain tidak mahu disuruh ambil 30-50 peratus, apa jadi sekarang? Bangunan itu ditepi jalan dan tidak lama lagi dikorek dan buang. Hotel yang sudah tidak guna diambil. Kita selalu hendak kena kuda 30 peratus, 30 peratus. Bukan tujuan Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru 30 peratus, di dalam tempoh 14 tahun lagi sekurang-kurangnya 30 peratus ekonomi negeri ini dipegang oleh bumiputra. Bukan maknanya 30 peratus ini hanya 30 peratus sahaja, tidak boleh lebih daripada 30 peratus! Sebab hendak mengejar 30 peratus hari ini mesti 70 peratus, jangkanya begitu! Saya bukan pandai sangat tentang kira-kira, cuma congak-congak sahaja. Saya bukan seorang yang berkelulusan universiti, tetapi orang yang berkelulusan universiti barangkali lebih tahu daripada ini. Tetapi kalau hendak mengejar 30 peratus ini di dalam tempoh 14 tahun (16 tahun sudah ditolak) maka mesti lebih 70 peratus. Jadi rungutan ini bukan rungutan saya sebenarnya, ini rungutan orang ramai dan ini juga rungutan orang Malaysia yang lain yang mengatakan kapitalis-kapitalis asing ini banyak sangat hendak menghancurkan kilang-kilang orang Malaysia yang lain. Di Johor berapa banyak kilang yang sudah dibelinya? Dan ini satu ingatan juga lagi iaitu janganlah digalakkan orang Melayu menjadi perkakas-perkakas kilang-kilang orang asing untuk menekan kilang-kilang bumiputra dan orang Malaysia.

5.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan ini, saya cuma bercakap satu dua perkara yang ada kaitannya dengan negeri saya tinggal.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih bahawa Rang Undang-undang yang akan kita

luluskan ini meliputi kuatkuasanya sehingga boleh mendaftarkan semula kilang-kilang yang lama-lama yang dahulu tidak didaftarkan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri menerangkan tadi sememeng tidak boleh dinafikan ada kilang-kilang yang mengotorkan udara atau mematkan ikan bahkan di negeri saya. Negeri Sembilan, ada sebuah kilang memproses getah yang didirikan oleh Guthrie Latex Seliau. Perkara ini sudah dibangkitkan sejak tahun 1959 yang lalu, tetapi barangkali kerana pihak Kerajaan tidak ada mempunyai kuasa sebagaimana yang ada dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan hari ini, tindakan tidak dapat diambil iaitu acid memproses getah yang dialirkan ke sungai sehingga memusnahkan 80 ekar sawah padi di Kampung Seliau sehingga hari ini tidak dapat ditanam.

Kalau ditanam dan dibubuh baja tidak berbuah tetapi apa yang anihnya bila kita lapurkan ke Pejabat Kesihatan, diambil air, dihantar proses ataupun pengkajian, jawabnya air itu tidak merbahaya, tetapi manusia yang masuk ke dalam air sungai ini bila naik ke atas badan-badannya gatal. Bila digaru, kudis pula timbul, tetapi laporan daripada pihak Kimia mengatakan air itu tidak merbahaya, jadi kilang ini berjalan terus. Saya harap dengan adanya undang-undang yang akan kita luluskan ini pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang berat bukan sahaja, barangkali di Negeri Sembilan yang berlaku begini, banyak lagi negeri yang ada kilang getah yang memproses sebagaimana yang saya katakan kilang Guthrie Latex ini mengalami perkara begini.

Masalah bahu tak usahlah kita sebutkan, kalau Yang Berhormat Menteri pergi ke Singapura dengan kereta melalui jalan selepas pekan Kota akan berbahulah satu bahu yang semerbak kerana di situ juga ada kilang memproses getah ini. Saya harap janganlah bila undang-undang ini sudah kita luluskan nanti, saya takut perlaksanaannya sepertimana yang telah berlaku pada undang-undang Penalty—hukum berat, makin kita adakan undang-undang, pistol digunakan hari-hari, berbunyi sana sini, rompakan sana sini, hukuman mati belum seorang pun dijalankan. Saya harap apa yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, pegawai-pegawai yang akan menjalankan undang-undang ini nanti hendaklah benar-benar pegawai yang didikasi, yang benar-benar hendak menengok

keadaan negeri kita ini baik. Janganlah dipandang kepada diploma yang panjang sangat, kalau mereka itu tidak boleh menjalankan peraturan ini dengan sempurna. Sekianlah sahaja, terima kasih.

5.52 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Pada pendapat saya adalah kena pada masanya undang-undang aktiviti perkilangan ini diselaraskan di seluruh negara. Kerana kita ketahui, pada masa-masa yang telah lepas iaitu setakat ini sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kecuali kilang-kilang yang berada di bawah akta lindungan galakan sahaja yang dapat dikawal dengan teratur, yang lain-lain yang jumlah terbesarnya adalah mengikut nafsu-nafsi masing-masing. Ini bukanlah berarti semua kilang-kilang itu tidak mempunyai lesen, tetapi hanya tempat mengeluarkannya sahaja yang tidak sama. Ada setengah-setengah dikeluarkan lesen kepada pengilang-pengilang ini melalui Majlis-majlis Kerajaan Tempatan ataupun badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Dan dengan kerana ini maka syarat-syarat yang dikenakan itu adalah berbeza-beza di antara satu tempat ataupun di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Saya bagi satu contoh, mengikut Dasar Ekonomi Baharu kita sekarang Kerajaan Pusat menentukan bahawa perusahaan-perusahaan yang besar ataupun pengilang-pengilang yang besar bila hendak ditubuhkan dalam negara kita ini penyertaan ataupun equity participation di antara bumiputra dengan yang bukan bumiputra sekurang-kurangnya bumiputra mesti 30%. Dan yang akhir-akhir ini dikehendaki kalau antara pelabur dalam negeri dengan luar negeri 51% : 49% begitulah kedudukannya. Tetapi dengan sebab syarat-syarat ini berlainan dengan tidak ada kawalan yang tertentu ada setengah-tengah negeri telah mengenakan syarat-syarat yang lebih daripada yang ditentukan oleh Kerajaan Pusat sendiri. Ini adalah barangkali dengan sebab semangat Dasar Ekonomi Baharu ini terlampau meluap-luap di dada pegawai-pegawai negeri ini maka mereka telah melangkah mengenakan syarat yang lebih jauh, lebih progressive daripada yang dikenakan oleh Kerajaan

Pusat sendiri. Misalnya kalau ada kumpulan hendak menubuhkan kilang dengan cara joint venture antara bumiputra dengan bukan bumiputra (tempatan) maka pihak yang tertentu di negeri tersebut mengenakan syarat mesti sekurang-kurangnya saham bumiputra 60% dan 40% sahaja boleh kepada orang bukan bumiputra. Itulah sebagaimana saya katakan tadi barangkali semangatnya terlampau berkubar-kubar hendak cepat tidak mahu tunggu 14 tahun sebagaimana kata Yang Berhormat Raja Nong Chik tadi 30% dalam masa 14 tahun daripada sekarang dia mahu daripada sekarang terus lompat 60%, maka dengan sebab semangat yang begini oleh kerana kita sama-sama mengetahui bahawa bumiputra tidak mempunyai kewangan yang cukup bila ongkos ataupun belanja untuk menubuhkan kilang ini jumlahnya bermillion-million ringgit maka gagallah penubuhan itu. Maklumlah 60% kalau \$10 million sudah jadi \$6 million untuk bumiputra di mana orang Melayu ini hendak cari duit. Jadi dengan sebab ini, maka kemajuan perkilangan negeri yang saya maksudkan tadi telah menjadi daripada maju kehadapan telah jadi tercicir hingga boleh dikatakan tidak ada kilang-kilang seperti ini ditubuhkan yang boleh dibanggakan. Itu adalah sebagai cunh saya sebutkan. Maka saya harap dan inilah sebabnya saya mengalu-ngalukan dengan sungguh-sungguhnya akan undang-undang ini dikuatkuasakan, kerana dengan adanya penylarasan ini bererti syarat-syarat yang akan dikenakan akan sama ataupun apa yang difikirkan baik oleh Menteri yang berkenaan tidak lagi sebagaimana yang berlaku pada masa-masa yang lepas.

Pada mula saya membaca undang-undang ini saya juga merasa sedikit kebimbangan kerana menurut Fasal 4 (1) semua pengilang-pengilang dimestikan memohon lesen daripada Menteri. Saya berasa bimbang dan takut kalau-kalau ini akan menyusahkan kepada pengilang-pengilang kecil bumiputra khususnya terutama di negeri-negeri di Pantai Timur yang banyak bumiputra sendiri menjalankan perusahaan-perusahaan walaupun kecil tetapi juga yang boleh ditafsirkan sebagai pengilang yang seumpama pengeluaran-pengeluaran kain batek, pengeluaran-pengeluaran barang hasil pekerjaan tangan yang lain, ini juga merupakan kilang; tetapi mengikut Fasal 11 setelah mendengar penerangan, Yang Berhormat Menteri ada kuasa boleh mengecualikan dan telah diterangkan selanjutnya bahawa pengilang-pengilang yang

ada mempunyai kakitangan tidak lebih daripada 25 orang ataupun belanja tidak lebih \$100,000 boleh dikecualikan maka kebimbangan ini telah dapat dihapuskan. Pada pendapat saya ada baiknya, walaupun kilang itu kurang besar daripada ini, patut juga dillesenkan dengan tujuan mengawal supaya tidak disalahgunakan atau berlaku penyelewangan-penyelewangan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu sahaja yang saya harapkan iaitu menurut fasal yang terkandung di dalam undang-undang ini juga Yang Berhormat Menteri akan memberi kuasanya kepada pegawai-pegawai yang tertentu bagi menjalankan kuasa-kuasa ini. Yang saya faham barangkali akan ditempatkan di tiap-tiap negeri ataupun akan diberikan kuasa ini kepada pegawai-pegawai di negeri-negeri; pegawai-pegawai tertentu untuk menjalankan kuatkuasa itu. Maka saya berharap kuasa-kuasa yang akan diberikan ini hendaklah dijalankan dengan betul dan sempurna dengan mempunyai kakitangan yang cukup supaya perjalanan memproses permohonan-permohonan ini tidak tergendala, dan dengan itu akan boleh menyekat ataupun melambatkan perkembangan kemajuan ekonomi di negeri-negeri yang tertentu.

6.02 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bagi menyelaraskan dan memajukan terutamanya aktiviti-aktiviti pengilangan di Malaysia. Saya suka membangkitkan beberapa perkara mengenai undang-undang ini dan saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian dan memperbaiki keadaan untuk menjalankan undang-undang ini.

Saya sependapat dengan Senator Kamarul Ariffin, dan berharap Kementerian yang berkenaan mempunyai cukup pegawai-pegawai untuk menjalankan Akta ini dan bukan sahaja mempunyai cukup pegawai tetapi hendaklah pegawai itu faham akan Akta dan objektif Akta ini. Oleh sebab di dalam Akta ini ada beberapa objektif yang specific tetapi ada juga perkataan-perkataan di dalam Akta ini tidak cukup terang. Kalau sekiranya pegawai-pegawai tidak faham akan objektif Akta ini, saya ingat di dalam keadaan recession atau di dalam keadaan aktiviti perindustrian di negara kita, kita bukan memajukan perindustrian, tetapi juga akan menghentikan perindustrian di negara kita.

Di sini saya mohon izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) As I have just said, there are certain words in the Bill which are not specific enough. I would also like to stress on this point of "manufacturing activity," which has just been raised by Senator Kamarul Ariffin. It is a very far-reaching expression and it practically covers everything; all the activities in the industries in our country, and it may even cover some of the industries associated with the retail and wholesale businesses.

I would like to quote here, for example, the activities associated with repairs of "products" that are being sold by retail and wholesale businesses—for instance, the car industry, the selling of batteries and the selling of tractors. There are certain activities that are in-between manufacturing and repairs. Dalam Bahasa Malaysia, kita ada "pengilang" dan juga "membaiki". Tetapi di dalam bahasa Inggeris kita ada reconditioning. Jadi, dalam "reconditioning" ada termasuk "pengilang" dan "membaiki" yang sekarang kita belum tahu lagi. Saya beri contoh di sini. In the battery business, if you make a new battery and sell it, that is considered as manufacturing. If the battery is *rosak* a bit and you change a few plates, that is repairing. But in the in-between case where you use an old battery with an old casing and you change all the plates inside the battery, that is considered as reconditioning. Now, you can even call reconditioning as repairing; you can also call reconditioning as manufacturing. Here if you are not specific about it, I am sure it lays open to a lot of misunderstanding of the purpose of this Act.

Battery is one example. I bring up the case of battery because at the present moment reconditioning of batteries entails a certain amount of licence fee in the form of excise duty. I have spoken on this to the Honourable Minister concerned who said that reconditioning is part of repairing. I have also spoken to the officer concerned in Perak and he considers reconditioning as part of manufacturing. So here the Minister says there is no need to apply for this excise duty licence but the officer concerned in Perak says, "You have to apply for a licence" and the licence fee in this case is \$2,400. It is

rather *mahal*! Saya ingat itu bukan murah; lesen itu sangat mahal. In this respect, I hope that the Ministry concerned could, perhaps, gazette the activities concerned that could be considered as "manufacturing" so that those who are indulging in activities not associated with manufacturing do not have to apply for a licence as proposed by this Act that we are debating today. If we can have the activities gazetted, then the people who are associated with the manufacturing activities will know where they stand as far as this law is concerned.

I have mentioned about this excise duty which is very high and I hope that the fee for obtaining the licence as far as this Act is concerned will be just a nominal fee rather than a fee that is very high indeed. There are some manufacturing industries that are built on very small capital and the returns are very small and if we check, perhaps they may even be very labour-intensive. If we have different licences that they have to apply for—and all these licences cost a lot of money—then I am sure this is a step that will stop the increase of manufacturing activities in our country; it will decrease rather than increase the manufacturing activities in this country. If the fees could be just nominal and the procedure and the process of applying for the licence could be smoothened out, perhaps it would help in the recovery of the recessionary period that we are facing now.

As I understand it, there are different licences that we need to apply for. Among them are licences under this Act. We have to apply for licences from the local authority, licences of business and licences that have to do with the Treasury and if all this process of applying for licences from these different authorities concerned are not co-ordinated properly, then in this competitive region, competing for investment into our country, especially for investment into the less developed regions in our country, if we do not smoothen out all this process of applications for licences. I am afraid we will only deter future investors from coming into our country rather than attract them to bring industries into this country.

Investors are a very funny lot of people. Mereka hendak cukup kemudahan-kemudahan di tiap-tiap kawasan perindustrian. Kalau kemudahan-kemudahan tidak cukup, saya hendak beri tahu, esok mereka akan lari

dan mereka tidak suka datang ke mana-mana kawasan perindustrian yang ditetapkan oleh Kerajaan yang berkenaan. Di sini saya harap kita boleh mengadakan satu penyelarasan yang baik dan ringkas untuk mendapatkan lesen di dalam Akta ini.

In this Bill there is also a non-specific clause—"expedient in the national interest". This is again another non-specific term which is subject to different interpretation by different people in different Ministries and even by different people in the same Ministries. I hope the Minister concerned could make all the people concerned with this Act understand exactly what is "national interest" in as far as this Act is concerned. If this is not done properly, there again it will give rise to a lot of problems and heartaches and it will give rise to a situation where we may not only not attract but we may even detract industries from coming to this country.

Here it states in Clause 7 (1) that "No licence shall be transferable from one manufacturer to another manufacturer without the prior approval of the Minister". We know that a lot of our industries, even manufacturing industries in this country, are small family businesses. As such, I hope that the Minister would make it easier for *bona fide* beneficiaries of manufacturers holding a licence to have a smooth transfer or the licence from a deceased parent to his *bona fide* beneficiaries, because if they have to go through the whole process of having to prove their identification as *bona fide* beneficiaries and if they have to go through a lot of red-tape, then I am afraid we may again detract or even stop industries that are already at present providing employment for the people in our country. Ini ada beberapa perkara yang saya suka bercakap di dalam Akta ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mendapatkan satu keadaan yang baik khasnya berkenaan dengan pegawai-pegawai di Kementerian yang berkenaan untuk menjalankan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap di dalam perbahasan Akta ini.

6.15 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga memberikan

sokongan atas Akta bagi membuat peruntukan bagi menyelaras dan memajukan dengan teratur aktiviti-aktiviti pengilangan dalam Malaysia ini. Saya cuma hendak bercakap dengan secara ringkas mudah-mudahan akan tamat sebelum pukul 6.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak memajukan satu pandangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sebelum daripada itu gemar saya mengulangi dan menyokong kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan berhubung dengan kecemaran sungai seperti yang dikatakan berkenaan dengan kilang-kilang getah. Tetapi saya ingin menambah bahawa kilang kelapa sawit dan lain-lain sedang bermahajalela mengancam kesihatan rakyat dalam negeri ini. Yang kaya-rayanya ialah pemodal-pemodal besar.

Yang keduanya, dalam masaalah tapak tanah yang telah diwartakan bagi kawasan industri. Saya memberi ingatan kepada Kementerian ini jangan gelojoh sangat membuat banyak tapak tanah, kilang kawasan-kawasan industri sayugia dikaji balik banyak kawasan-kawasan industri yang telah kita adakan dalam tanahair ini, tetapi malangnya kilang tidak didirikan. Saya contohkan misalnya di Negeri Johor, Pasir Gudang terutama di Muar. Di Muar ada 200 ekar tanah kerana perindustrian, Kerajaan telah berbelanja 10 million ringgit, tetapi malangnya hingga akhir ini hanya tiga buah industri sahaja yang didirikan di tempat itu. Saya harap Kementerian ini dapat memerhatikan dan memujuk pengusaha-pengusaha supaya dapat mendirikan kilang-kilang dalam kawasan-kawasan industri yang telah diwartakan di seluruh tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya minta Kementerian ini memerhatikan di Negeri Johor, ada dua buah kilang nenas yang diusahakan oleh Lembaga Perusahaan Nenas, tetapi sejak akhir-akhir ini bermacam-macam kejadian telah berlaku di kedua-dua buah kilang ini, terutama sekali kesukaran mendapatkan bahan-bahan untuk diproseskan dalam kilang ini. Sebelum kita mengadakan kilang terutama badan Kerajaan mestilah mengkaji betul-betul adakah dapat bahan-bahan ini untuk menampung kilang yang begitu besar. Gaji pekerja hari-hari hendak dibayar, tetapi

bahan yang hendak ditampung, dan diproses untuk kilang itu tidak ada. Ini satu kejadian yang menyulitkan perusahaan dua buah kilang dalam Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi telah mengatakan 90% daripadanya kilang-kilang yang bergerak tanpa kuatkuasa undang-undang dan dengan ada kuatkuasa Akta ini akan dibetulkan. Menurut himah saya bahawa pengilang-pengilang yang 90% ini adalah bersifat degil, walaupun Kerajaan telah mewartakan supaya peluang-peluang bumiputra itu diberi keutamaan. Saya contohkan kepada kilang papan. Kilang papan ini kalau diambil bumiputra, bumiputra hanya jadi jaga, angkat kayu, angkat habuk-habuk sahaja; kerja yang besar-besar seperti pentadbiran yang penting mereka belum lagi melaksanakan.

Dalam masaalah hendak menguatkuasakan Rang Undang-undang ini kepada mereka yang 90% itu Kerajaan juga patut bertimbang rasa dan memberikan peluang yang baik sebab mereka ini telah mengusahakan begitu lama dan mendapatkan hasil kepada negara ini. Kalau kita kuatkuasakan dengan begitu pantas hak undang-undang ini, barangkali akan mendatangkan kegelisahan kepada mereka itu. Saya harap dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini Kerajaan hendaklah mengikut peraturan yang betul bahawa kilang 90% ini supaya diperhatikan dengan cermat, diberi peluang dengan adil dan saksama kepada mereka.

Akhir sekali, dalam masaalah mengatur Dasar Ekonomi Baru, telah banyak dicakapkan oleh saudara saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik. Satu perkara yang hendak saya tambah, pengilang yang ada di tanahair kita ini dengan dikuatkuasakan oleh Yang Berhormat Menteri akan mengeluarkan lesen, satu daripada syarat yang hendak dikenakan kepada pengilang-pengilang ini bahawa bahan-bahan yang hendak dikeluarkan itu hendaklah mereka bermurah hati dan berilah kepada ajen bumiputra yang sedang berniaga dalam negeri ini yang ada mempunyai kelayakan. Saya sangat dukacita dalam masaalah ini kerana banyak pengilang-pengilang yang masih berdegil belum lagi mereka rela hendak memberikan bahan-bahan pengeluaran kilangnya kepada ajen perniagaan bumiputra. Saya contohkan

seperti rokok M.T.C. mereka masih takut lagi. Padahal yang menghisap rokok Rothmans keluaran dari kilang ini ramai bumiputra sebab bumiputra ada wang pada masa ini, tetapi mereka masih lagi takut hendak memberikan ajen ini kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah syarat-syarat yang hendak dikenakan kepada lesen, banyak syarikat-syarikat luar negeri ini membuat perusahaan pengilangan dalam negara kita sebagaimana syarat-syarat yang ditentukan 51% sahamnya daripada warga-negara negeri ini dan 49% saham daripada luar negeri. Ini cuma tulisan pada kertas sahaja, sedangkan pada amalannya tidak ada, jarang-jarang ada.

Jadi, matlamat Kerajaan hendak menjadikan hak saham perusahaan ini 70% kepada rakyat negeri ini tidak akan sampai. Saya minta Kepada Kementerian ini tolong semak dan perhatikan kalau berlaku ada kilang-kilang yang membuat serupa ini, yang pertama kita nasihatkan, yang kedua suruh dia berhenti, lesennya diberikan kepada bumiputra atau badan-badan Kerajaan. Kalau tidak, akan sama. Sebab ada manusia-manusia yang gemok dengan diberi faedah oleh pengilang-pengilang daripada luar negeri ini, namanya sahaja saya warganegara Malaysia, tetapi pada hakikatnya, keuntungannya diperolehi oleh syarikat-syarikat daripada luar negeri.

Saya fikir setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

6.22 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pada dasarnya Rang Undang-undang yang bertujuan untuk mengatur aktiviti-aktiviti perkilangan di Malaysia.

Perkara yang pertama sekali yang saya hendak kemukakan ialah Rang Undang-undang ini apabila diluluskan akan menjadi Akta ibu, kerana baru dibuat pada tahun ini dan di atas Akta inilah kelak akan dibuat pindaan dan dibuat bermacam-macam lagi—jadi inilah asasnya. Sebagaimana Yang Berhormat di sebelah sana iaitu Senator Dr Lim Ah Sitt mengatakan iaitu ada perkataan-perkataan yang terlalu luas (obscure) dan umum yang belum lagi Rang Undang-undang ini dijadikan Undang-undang sudah dibahaskan di dalam Dewan

ini oleh seorang doctor of medicine dan bukan seorang lawyer. Jadi kalau ada lawyers di dalam Dewan ini semakin hebat perbincangan itu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tahu saya bukanlah seorang lawyer dan saya selalu dinasihatkan supaya pergi ke Universiti supaya belajar law. Saya dalam membaca buku-buku undang-undang sebelum pergi ke Universiti, saya dapati ada modal yang saya hendak bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Misalnya, dalam Fasal 6 (1) (a) iaitu Menteri mengikut hematnya boleh revoke atau membatalkan sesuatu lesen yang telah diberi kalau seseorang pengilangan (manufacturer) itu tidak menurut satu daripada conditions. Jadi ini, kebetulan Yang Berhormat Menteri kita seorang lawyer dan pernah menjadi Legal Adviser, di dalam capital punishment kalau satu sahaja perkara itu rosak maka kesemua itu ditolak. Ini membuat pengilangan hukumnya lebih berat daripada capital punishment terhadap rakyat. Jadi saya rasa negara kita ini akan makin terok dengan angkatan-angkatan Legal Advisers yang membuat Undang-undang yang semacam ini, saya tidak bersetuju walaupun orang bersetuju, saya tetap tidak bersetuju.

Fasal 6 (2) juga iaitu sebelum Menteri hendak menjalankan kuasa untuk revoke lesen itu "may call upon" bolehlah dia memanggil orang yang dituduh salah itu—"may"—orang yang dipanggil itu "to show cause" mengapa kilang ataupun lesennya itu tidak patut direvoke. Jadi terpulanglah juga kepada Menteri samada hendak panggil ataupun tidak. Jadi sepatutnya kalau kita hendak ikat Menteri itu kasihan kepada rakyat, biarlah Menteri "mesti" dipanggil barulah Menteri itu berjalan dengan elok. Ini boleh, kalau Menteri kita sekarang ini saya berpuas hati, kerana beliau seorang yang baik, seorang yang payah hendak cari, tetapi di dalam Fasal 9 (1) mengatakan:

"The Minister may authorise in writing any public officer to exercise the powers under this section."

Jadi diberi power kepada seorang yang tidak baik seperti saya ini misalnya (*Ketawa*), maka kedua-dua Clause ini defeat the

purpose of the law. Jadi saya rasa patutlah Menteri kita ini memandang lebih jauh.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Menteri kita menetapkan angka iaitu sekurang-kurangnya 3 salinan menjadi prima facie. Jadi bagi orang ini tidak ada had langsung, apa juga dia hendak fikir dia bantai sahaja. Ertinya kepada segi rakyat digunakan "shall", kepada Kerajaan digunakan "may". Hal ini seperti boxing antara Muhammad Ali dengan Joe Frazier, seorang itu diikat tangannya dan seorang itu diberi glove menyuruh tumbuk, maka sampai bilapun rakyat tidak boleh mengadu. Ini bukan saya hendak katakan discrimination tetapi Menteri kita boleh timbang dan diperelokkan.

Ini dari segi undang-undang, bukan dari segi manufacturing, dan saya hendak bercakap sekarang ini dari segi pengilangan itu sendiri. Katakanlah Rang Undang-undang ini diterima dengan baik dan apa yang saya kata tadi tidak betul kesemua, apa yang bertulis ini semua betul dan dipakai di dalam Bahasa Kebangsaan sekarang ini, bahasanya pun tidak dapat hendak ditegaskan, tidak specific, maka kita akan bercakap hal kerja-kerja pengilangan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kerja-kerja pengilangan di negeri kita sekarang ini, nampaknya Kerajaan masih lagi belum sempat untuk menjalankan satu pemikiran

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak menyambungkan ucapannya, bolehlah disambung pada hari esok.

PENANGGUHAN

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

BELIA-BELIA LUAR BANDAR— PENGANGGURAN

6.30 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan

terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap dalam Ucapan Tangguhan, walaupun saya telah kemukakan masalah ini semalam oleh kerana Majlis Dewan telah menetapkan satu masalah satu hari dan saya tujukan masalah ini kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Di luar-luar bandar banyak didapati belia-belia yang menganggur akibat dari ramainya belia-belia melibatkan diri dalam curi-mencuri dan sebagainya dan ada setengah-setengahnya pula yang berfikiran panjang meninggalkan kampung dan berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Untuk mengatasi masalah ini, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mendirikan kilang-kilang di luar-luar bandar, janganlah hanya didirikan di bandar-bandar sahaja. Dengan adanya kilang-kilang didirikan di luar-luar bandar ini akan memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia di luar-luar bandar.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menjawab serba sedikit di atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam Ucapan Tangguhan tadi. Kerajaan memang menyedari hakikat bahawa ramai belia dan beliawanis berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan dan Kerajaan memang menyedari bahawa di dalam banyak perkembangan kita dibidang perindustrian masih ramai lagi belia-belia yang berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan itu tidak mendapati pekerjaan yang diharapkan oleh mereka. Jadi dengan adanya kenyataan seperti ini adalah menjadi dasar kepada pihak Kerajaan sebagaimana yang disyorkkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memperluas serta memperkembangkan lagi projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan yang berjauhan daripada bandar, ke kawasan-kawasan yang pada masa-masa lepas kurang maju dalam bidang perindustrian dengan harapan supaya banyak kilang-kilang boleh didirikan di kawasan-kawasan yang berjauhan daripada bandar ini

untuk menampung pekerjaan bagi belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat menganggur di kawasan-kawasan luarbandar.

Dengan kesedaran inilah sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan baru-baru ini telah mengisytiharkan 4 buah negeri sebagai kawasan tambahan galakan (locational additional incentive areas) iaitu Kedah, Trengganu, Kelantan, Pahang di mana ditetapkan bahawa jikalau sekiranya kilang-kilang didirikan di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai locational incentive areas ini galakan ataupun incentive yang akan diberikan kepada pengilang-pengilang yang membina kilang-kilang di kawasan-kawasan tersebut akan diberi galakan-galakan yang lebih lumayan, lebih baik lagi daripada yang biasa diberi kepada kawasan-kawasan lain yang terbuka seperti Pulau Pinang, Bayan Lepas, Shah Alam dan sebagainya. Galakan ini boleh mengecualikan pengilang itu daripada bayaran cukai selepas sepuluh tahun, tidak lima tahun sebagaimana yang kita kenakan pada masa lepas. Ini adalah bertujuan supaya menggalakkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur keluar ke kawasan-kawasan yang kurang maju.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedar saya juga telah membuat kenyataan baru-baru ini; apabila mendengar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di negeri-negeri yang kurang maju di Pantai Timur, terutamanya oleh kerana penyertaan equity yang agak, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat Datuk Mansur tadi, ketat syarat-syarat yang dikenakan oleh pegawai-pegawai di negeri yang berkenaan yang menyebabkan pelabur-pelabur modal tidak begitu ingin datang ke kawasan itu telah menyatakan baru-baru ini yang Kementerian saya bersedia menimbang kemungkinan melonggarkan syarat-syarat yang dikatakan ketat ini. Kalau sekiranya 60:40 dianggap oleh pelabur-pelabur luar itu ketat sangat bagi mereka menanam modal, kami apabila mengkaji segala aspek permohonan itu mungkin boleh melonggarkan syarat menjadikan penyertaan equity

umpamanya 59:41 supaya ini boleh menggalakkan mereka datang ke kawasan-kawasan yang kurang maju. Ini adalah satu contoh yang menunjukkan bagaimana Kerajaan memberi perhatian berat di atas kenyataan ramai belia-belia menganggur di kawasan luarbandar dan akan mengadakan apa sahaja cara-cara, jalan, usaha diikhtiar untuk mengadakan banyak kemudahan-kemudahan terutamanya di bidang perindustrian supaya

lebih banyak peluang pekerjaan ataupun job opportunities yang akan boleh diwujudkan di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 16hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.